

قَتِيْقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"APABILA wujud kepercayaan di pihak masyarakat, bererti kerjasama di antara pihak pasukan dan orang ramai, akan lebih mudah terjalin. Ini juga dengan sendirinya menjadi pemangkin kepada perpaduan dan keharmonian yang sebenar-benarnya".

- Titah Sempena Sambutan Hari Polis Kali Ke-96 Tahun 2017.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسنى ايمان

MANISNYA IMAN

DARIPADA Umar bin Al-Khattab Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sesungguhnya doa itu tertahan di antara langit dan bumi, tidak dapat naik sedikit pun daripada itu, sampai engkau mengucapkan selawat kepada Nabimu (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam)". (Hadis riwayat Al-Imam At-Tarmizi).

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK
4.36

SUBUH
4.46

SYURUK
6.06

DUHA
6.29

ZUHUR
12.05

ASAR
3.25

MAGHRIB
6.02

ISYAK
7.13

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 66 / BILANGAN 132

3 NOVEMBER 2021 / 27 ربيع الأول 1443

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gowa'ila Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

BERANGKAT MENINGGALKAN ROME, REPUBLIK ITALI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Fiumicino, Rome bagi meninggalkan Rome, Republik Itali selepas menghadiri Sidang Kemuncak G20.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

ROME, REPUBLIK ITALI, Isnin, 1 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Rome, Republik Itali selepas menghadiri Sidang Kemuncak G20.

>> Muka 3

Sektor Pertanian, Agrimakanan, Perikanan tunjuk perkembangan positif

Oleh : Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 November. - Walaupun kita sedang menghadapi cabaran situasi pandemik COVID-19 pada masa ini, prospek pengeluaran dalam Sektor Pertanian dan Agrimakanan juga Sektor Perikanan dijangka akan mencatatkan pertumbuhan yang positif.

Beberapa inisiatif yang sedang berjalan pada masa ini, seperti penawaran tapak-tapak pertanian dan perikanan secara Projek Rintis serta pengembangan dan pengoptimuman ladang akan terus dipergiatkan bagi terus meningkatkan keluaran, sama ada bagi pasaran dalam negara ataupun pasaran eksport ke luar negara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran yang diadakan secara maya sempena Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Kali Ke-11.

Yang Berhormat dengan sukacitanya mengongsikan perkembangan Sektor Pertanian dan Agrimakanan serta Sektor Perikanan dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Alhamdulillah, Sektor Pertanian menunjukkan perkembangan yang positif dengan peningkatan nilai pengeluaran kasar sektor pertanian sebanyak 7.0 peratus setahun, iaitu daripada BND240 juta pada tahun 2010 kepada BND471 juta pada tahun 2020.

>> Muka 7

221 sembuh, 75 kes COVID-19 disahkan

Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Selasa, 2 November. - Sebanyak 75 kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan pada hari ini, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini meningkat kepada 13,321 orang.

Terdapat 26 tambahan kes baharu pada lapan kluster aktif, yang sedia ada, pada hari ini, yang merupakan kontak-kontak terdekat bersama beberapa kes positif sebelumnya.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa mengongsikan

kenyataannya pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan juga menjelaskan, terdapat tiga kluster baharu dikesan, melibatkan 20 kes.

"Kesemua kluster baharu ini merupakan kluster kediaman, di mana dua Kluster Syazwanes Contractor Sdn. Bhd., Kluster Meem Sdn. Bhd. dan Kluster Ban 3 Construction Staffhouse adalah kluster rumah yang menempatkan pekerja-pekerja syarikat berkenaan.

>> Muka 3



Berita Utama



DIDIK jiwa masyarakat menjadi lebih prihatin
Muka 8



ISU kesihatan mental perlu diambil perhatian serius
Muka 20



KSSUP : Ke arah mempelbagaikan ekonomi negara
Muka 22



Pastikan masa depan yang lebih baik

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

SAYA sangat gembira dapat menyertai awda semua pagi ini untuk pelancaran edisi pertama Dialog ASEAN Youth on Climate Action, atau ringkasnya, ASEANyouCAN.

Setinggi-tinggi penghargaan saya kepada Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC), Sekretariat ASEAN, Sekretariat Perubahan Iklim Brunei, ASEAN Youth Advocates Network Brunei, dan semua penceramah yang menjayakan acara ini; supaya belia kita dapat memiliki platform yang berharga seperti ASEANyouCAN untuk didengar dan membentuk wacana mengenai tindakan iklim di rantau kita.

Tahniah saya ucapkan kepada semua peserta belia kita dari Negara-negara Anggota ASEAN pada pagi ini, kerana bangkit untuk menangani salah satu cabaran terbesar pada masa ini iaitu perubahan iklim.

Ini adalah saat kritikal bagi planet dan kemanusiaan kita, dan terutama bagi generasi muda ini yang ingin memastikan masa depan yang lebih baik untuk diri mereka sendiri dan generasi selepas mereka. Kita berada di persimpangan.

Ilmu iklim terbaik yang ada, Inter-government Panel on Climate Change Sixth Assessment Report (AR6), memaklumkan kita bahawa kenaikan suhu global kemungkinan akan melebihi 1.5 darjah Celsius pada tahun 2040, yang menunjukkan bahawa kesan iklim akan jauh lebih teruk. Seperti yang difokuskan dalam Laporan

Perubahan Iklim Negara ASEAN yang baharu dikeluarkan, faktor-faktor asas seperti tahap kemiskinan yang tinggi di beberapa rantau, pergantungan yang tinggi kepada sektor-sektor yang sensitif terhadap iklim seperti pertanian dan sumber semula jadi, dan tekanan tinggi dari kehilangan dan kerosakan akibat bencana telah menyebabkan rantau menjadi salah satu yang paling mudah terdedah terhadap kesan perubahan iklim.

Negara Brunei Darussalam menyedari pentingnya menangani kesan perubahan iklim. Seperti yang dinyatakan dalam Nationally Determined Contribution (NDC) kami, Negara Brunei Darussalam memberi komitmen untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 20 peratus, berbanding dengan tahap Business-As-Usual pada tahun 2030. Dan sebagai Ketua ASEAN tahun ini, Negara Brunei Darussalam mengutamakan tindakan iklim sebagai sebahagian agenda kami. Sejajar dengan tema program hari ini, iaitu 'Climate Action and Resilience', kami dengan rendah hati mengalu-alukan para belia sebagai ejen perubahan, sebagai sebahagian daripada penyelesaian iklim.

Negara Brunei Darussalam menyedari pentingnya menangani kesan perubahan iklim, seperti yang dinyatakan dalam Nationally Determined Contribution (NDC) Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 20 peratus, berbanding dengan tahap Business-As-Usual, pada tahun 2030 dan keutamaan tindakan iklim sebagai sebahagian daripada agenda NBD sebagai Pengerusi ASEAN 2021.

[Nota : 'Welcome generation' adalah rujukan popular untuk ucapan BTS pada

UNGA Ke-76 bulan lalu. Ini merujuk pada generasi belia, yang menerima perubahan dan terus maju, terlepas dari waktu dan peluang yang hilang dari cabaran terbesar pada masa ini (COVID-19 dan perubahan iklim). BTS adalah kumpulan K-pop yang terkenal di dunia dan juga Utusan Khas Presiden Korea Selatan untuk Generasi dan Budaya Masa Depan].

Dalam banyak hal, momentum persimpangan ini adalah untuk awda. Idea dan tindakan awda mempunyai kemampuan untuk membentuk masa depan. Terdapat banyak peluang dan potensi bagi para belia hari ini untuk mengambil tindakan terhadap iklim - baik melalui advokasi, sains dan teknologi, amalan inovasi hijau dalam bidang yang luas - seperti pertanian, tenaga, pembinaan, pengangkutan, seni dan reka bentuk - malah fesyen, hanya untuk menamakan sebilangan sahaja.

Walaupun banyak cabaran menanti, para belia berperanan dalam mewujudkan banyak penyelesaian untuk mengatasi cabaran dan memperkuat ketahanan iklim, di seluruh rantau kita. Dengan menjadi sebahagian daripada ASEANyouCAN, awda sudah selangkah lebih maju ke arah ini.

Seperti yang dikemukakan oleh Inger Andersen, Ketua Setiausaha Agung PBB dan Pengarah Eksekutif Program Alam Sekitar PBB :

Saya petik : "Perubahan iklim ada di sini, sekarang. Tetapi kita juga ada di sini, sekarang. Dan jika kita tidak bertindak, siapa lagi?"

Mengakhiri ucapan ini, saya mendoakan awda semua mendapat manfaat dari dialog sepanjang tiga hari ini. Saya sangat menantikan pembebasan Deklarasi Bandar Seri Begawan mengenai Belia untuk



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang juga selaku Pengerusi Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN 2021 semasa berucap pada Majlis Pembukaan Dialog Perdana Belia ASEAN mengenai Tindakan Iklim (ASEANyouCAN) kali pertama, yang diadakan secara maya pada Sabtu, 16 Oktober 2021.

Terjemahan oleh :
Dayang Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Tindakan Iklim, yang pada waktunya akan disosialisasikan secara rasmi kepada Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN.

Suara awda akan didengar.

Tindakan Iklim, sekarang!

Terima kasih.

Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
NOVEMBER	HARI	RABIULAWAL	IMSAR	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
3	RABU	27	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13
4	KHAMIS	28	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13
5	JUMAAT	29	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
6	SABTU	1	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
7	AHAD	2	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
8	ISNIN	3	4.36	4.46	6.06	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13
9	SELASA	4	4.36	4.46	6.06	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
30 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar			
30 24 °C	31 25 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
30 24 °C	30 25 °C	32 24 °C	
Kuala Belait			
30 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 3 NOVEMBER 2021

Norma baharu dalam kehidupan seharian

BILA kita menyebut mengenai norma baharu, terdetik di fikiran kita, sesuatu yang bukan kebiasaan atau kelaziman bila ia selalu dibuat akan menjadi norma baharu kepada kita. Sebagai contoh, kita tidak pernah mengayuh basikal, tetapi bila kita mengayuh setiap hari ia akan jadi kebiasaan.

Pada fasa kehidupan seterusnya, kita akan bersedia atau bersiap sedia dengan beberapa norma baharu. Seperti, pemakaian sungkup muka, penjarakan sosial, menggunakan teknologi untuk mengadakan majlis, membuat perjumpaan dan lain-lain. Apakah norma baharu seterusnya yang akan dihadapi seperti mendapatkan vaksinasi lengkap dan tambahan bagi memastikan imun badan kita berada dalam keadaan yang baik.

Dalam bidang-bidang lain, norma baharu yang akan dihadapi ialah memanfaatkan ilmu pengetahuan. Dari kita kecil sehingga dewasa, proses norma baharu yang kita hadapi mendapatkan pendidikan awal sehingga kita mendapatkan pekerjaan. Pada awal pendidikan kita akan berasa kekurangan dan norma baharu kita untuk aplikasi ilmu pendidikan itu dalam kehidupan seharian. Ini bermakna, norma baharu ini mengikut kepada keadaan seperti keadaan pendidikan, kesihatan, persekitaran kita dan sebagainya.

Dalam Surah Ar-ra'd, ayat 11, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman antara lain makna terjemahannya "Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri". Bertepatan dengan ayat ini, setiap perubahan adalah bermula dari diri sendiri. Jika kita ingin mengubah nasib kesihatan kita, semuanya bermula dari diri sendiri dengan mengamalkan gaya hidup sihat, mengambil pemakanan yang seimbang.

Sidang Pengarang keluaran kali ini, ingin menasihati diri sendiri dan para pembaca, apa-apa arahan kerajaan yang ke arah kebaikan adalah untuk menjaga diri kita sendiri dan persekitaran kita. Keperluan untuk kita bekerjasama adalah amat penting, kerana tanpa kerjasama semua pihak kita tidak akan dapat membiasakan norma baharu yang kita akan hadapi sedikit masa lagi.

Bersama kita patuhi arahan kerajaan, kerana tanggungjawab kerajaan adalah tanggungjawab kita. Pelbagai usaha kerajaan untuk memastikan keselamatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sama ada yang berada di dalam mahupun yang berada di luar negara. Apa yang penting juga, kita hendaklah bersyukur atas segala nikmat yang telah Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada kita iaitu nikmat kesihatan, nikmat keberkatan, nikmat kemakmuran, nikmat keamanan dan juga nikmat keimanan. - **Ketua Penyuntingan (Fa)**

BERANGKAT MENINGGALKAN ROME, REPUBLIK ITALI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan semasa Doa Selamat dibacakan sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman baginda (atas), manakala gambar kanan, baginda berkenan menerima sembah berangkat balik daripada kakitangan Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Republik Itali.

>> Muka 1

Sebelum
meninggalkan

berangkat
hotel

persemayaman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz

bin Juned.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Fiumicino, Rome bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara

Brunei Darussalam ke Republik Itali, Puan Yang Terutama Datin Paduka Malai Hajah Halimah binti Malai Haji Yussof yang menetap di Paris.

221 sembuh, 75 kes COVID-19 disahkan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

"Satu kluster telah ditutup setelah tidak ada kes dikesan di dalam kluster berkenaan selama 28 hari. Kluster yang ditutup ialah Kluster 5182. Oleh yang demikian, jumlah kluster yang aktif adalah 172 kluster," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, terang Yang Berhormat, terdapat tiga kes import yang dicatatkan pada hari ini di mana dua daripadanya telah tiba ke Negara Brunei Darussalam

dari Kuala Lumpur dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei, BI684 pada 27 Oktober 2021.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat, terdapat 26 kes baharu yang masih dalam siasatan bagi mengenal pasti sumber jangkitan. Sebanyak 221 kes disahkan sembuh, pada hari ini, yang membawa jumlah kes yang sembuh, di Negara Brunei Darussalam terus meningkat kepada 11,723 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 1,508 kes.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam kalangan kes-kes yang sedang ada dalam rawatan sekarang, enam kes adalah dalam Kategori 5 dan sedang dirawat, di Unit Rawatan Intensif. Kesemua mereka memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) dengan dua daripadanya juga memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporeal Membrane Oxygenation - ECMO). Sementara itu, 15 kes lain dikategorikan dalam Kategori 4, iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan adalah di bawah pemantauan rapi.

Dalam tempoh 24 jam lalu,

sebanyak 5,047 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 512,574 ujian.

Pada 1 November 2021, seramai 5,674 orang menerima suntikan vaksin COVID-19. Ini bermakna, di bawah Program Vaksinasi Kebangsaan, seramai 353,399 orang telah menerima satu dos vaksin COVID-19, iaitu 82.2 peratus daripada jumlah penduduk negara. Manakala, 260,338 orang melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, iaitu 60.5 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Sementara itu, bagi Operasi Pulih yang dijalankan dari jam 8.00

malam hingga 4.00 pagi tadi, sebanyak tiga pelanggaran arahan dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana dua daripadanya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

"Marilah kita sama-sama berdoa memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar Negara Brunei Darussalam terus dirahmati dan dilindungi. Mudah-mudahan semua pesakit khususnya pesakit COVID-19 dikurniakan kesihatan dan kesembuhan sepenuhnya, serta semoga segala usaha dalam membendung kesan wabak COVID-19 dipermudahkan dan beroleh kejayaan dengan izin-Nya jua. *Amiin Amiin Ya Rabbal Alamin*," ujar Yang Berhormat mengakhiri kenyataannya.



44 TERIMA SUNTIKAN VAKSIN DI KAMPUNG BOLKIAH



Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Selasa, 2 November. - Seramai 44 orang individu termasuk lima orang yang berada di rumah telah mendapatkan suntikan dos pertama vaksin COVID-19 menerusi Perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak di Kampung Bolkiah.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menjawab soalan yang diajukan oleh pihak media pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengongsikan perkara tersebut semasa menjawab soalan yang diajukan oleh pihak media pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, seorang individu berumur 86 tahun juga turut menerima suntikan beliau pada hari ini.

Manifestasi kecintaan terhadap Rasulullah



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyertai Majlis Selawat dan Doa Munajat pada setiap malam secara maya.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Kelab Komuniti Belia Transformasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 November. - Dalam menyahut titah seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memperbanyakkan rancangan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sepanjang bulan Rabiulawal, Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Pusat Belia melalui Biro Keagamaan mengadakan Majlis Selawat dan Doa Munajat pada setiap malam secara maya.

Turut menyertai majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad; dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah pada Majlis Selawat dan Doa Munajat malam kelima ini dipimpin oleh Ahli Biro Keagamaan KKB, Awang Adib Zainul Zaky bin Haji Abd. Manaf.

Manakala bacaan ayat suci Al-Quran Inna Fatahna Laqad Jaakum Innallaha Wamalaikatahu dan Selawat Ibrahimiyah pula dipimpin oleh Awang Mohamad Fadli bin Bujang dari Kolej

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Majlis kemudian diteruskan dengan selawat ringkas sebanyak 100 kali yang diketuai oleh Awang Huzaifah Altaf bin Shamsuri dari Universiti Brunei Darussalam, diikuti dengan Selawat Nuril Anwar sebanyak lima kali diketuai oleh Awang Muhd. Hamizan bin Begawan Mudim Haji Amran dari Alumni KUPU SB.

Sementara itu, Doa Memohon Terhindar Dari Wabak COVID-19 dibacakan oleh Ahli Biro Keagamaan KKB, Awang Adib Zainul Zaky dan Doa Majlis serta Kaffaratul Majlis oleh Ketua Biro Keagamaan KKB, Awang Mohammad Adi Hamdi bin Haji Aminuddin.

Majlis Selawat dan Doa Munajat diadakan bagi menghidupkan malam-malam di Rabiulawal dengan menggalakkan dan membawa orang ramai untuk berselawat. Majlis yang telah diadakan selama empat malam berturut-turut sebelum ini secara keseluruhan dihadiri lebih daripada 600 penyertaan.

Sementara Program Brunei Berselawat yang julung kali diadakan merupakan anjuran KKB, Pusat Belia Bandar Seri Begawan disokong oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program Brunei Berselawat meliputi beberapa aktiviti dan sedang berjalan pada masa ini dilaksanakan secara

mayu (*online*) dan membukakan penyertaannya kepada orang ramai, iaitu Majlis Selawat Subuh Jumaat; Majlis Selawat dan Doa Munajat; Jom Selawat dan Selawat : The Voice.

Aktiviti-aktiviti juga turut dijayakan dari berbagai pihak seperti perkumpulan dan organisasi belia di Negara Brunei Darussalam seperti; Belia Masjid Omar 'Ali Saifuddin (Syababun Salam), Kumpulan Mawlid Az Zahrah, Kumpulan Mawlid Al Busyru Brunei, Kumpulan Meraih Berkah, Teachmeguru, BattlePro Event, Bravo Production, Celebrate MERCY dan beberapa lagi penyertaan daripada organisasi tempatan.

Di samping sebagai wadah memanifestasikan rasa kecintaan ke atas Junjangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan melazimkan melantunkan bacaan selawat-selawat, ia juga sebagai landasan pencetus inspirasi kepada masyarakat Islam di Brunei khususnya untuk menjadikan selawat sebagai amalan penting dalam rutin seharian.

Adapun objektif program diadakan sebagai iktidar dan merafakkan doa serta zikir untuk melepaskan atau membebaskan negara serta kita daripada musibah koronavirus dengan bermunajat kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar segala hajat kita dunia akhirat akan dikabulkan dan diberikan kesembuhan penuh bagi kes-kes aktif COVID-19 di negara ini terutamanya yang berada dalam keadaan kritikal.

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak di Pusat Kesihatan Sungai Liang - 3 hingga 4 November

Perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak, menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, di Pusat Kesihatan Sungai Liang, akan diadakan selama dua hari, bermula Rabu, 3 November hingga Khamis, 4 November 2021, dari jam 9.00 pagi hingga 2.30 petang, khusus untuk penduduk Mukim Liang juga sekitarnya.

Perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu - 5 dan 7 November

Perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu, jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan, mula dibukakan, pada Jumaat, 5 November 2021, dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari; dan Ahad, 7 November 2021, dari jam 9.00 pagi hingga 2.30 petang, khusus untuk penduduk di Mukim Pengkalan Batu juga kawasan sekitarnya.

Manakala, perkhidmatan vaksinasi ke rumah-rumah, akan diadakan pada Khamis, 4 November 2021, mengikut senarai yang disediakan oleh Ketua Kampung.

Dapatkan suntikan vaksin biskita terus secara walk-in

Para penduduk setempat, iaitu Kampung Bolkiah 'A' dan 'B' juga sekitarnya; penduduk Mukim Liang juga sekitarnya; dan Mukim Pengkalan Batu juga kawasan sekitarnya, yang ingin mendapatkan suntikan vaksin COVID-19, bolehlah datang terus secara *walk-in*, pada tarikh-tarikh yang ditetapkan, dengan membawa Kad Pengenalan / pasport juga kad (atau nombor) Bru-HIMS, jika ada.

"Bagi mereka yang tidak mampu untuk hadir sendiri ke Pusat-pusat Kesihatan berkenaan disebabkan masalah kesihatan atau kesukaran bergerak, mereka boleh mendaftar atau didaftarkan melalui Ketua Kampung bagi urusan vaksinasi, di rumah masing-masing," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Teliti sebelum beli

Antara kit ujian yang diluluskan ialah Panbio COVID-19 RAPID Test Device (jenis Nasopharyngeal); Biocan TellmeFast COVID-19 Antigen Test (jenis Saliva / Nasal); INNOVITA One Step Rapid Test (2019-nCoV Ag Test) (jenis Anterior Nasal Swab); QuickVue At-Home OTC COVID-19 Test (jenis Nasal); Roche SARS-CoV-2 Antigen Self-Test Nasal (jenis Nasal); ARISTA COVID-19 Antigen Rapid Test (jenis Nasal); NEWGENE Bioengineering COVID-19 Antigen Detection Kit (jenis Sputum / Nasopharyngeal); Medomics SARs-CoV2 Antigen Test Kit (jenis Saliva - Oral Fluid); Wikang Medical SARS-CoV2 Antigen Detection Kit (jenis Saliva / Throat / Nasal); Rapid Response COVID-19 Antigen Rapid Test Device (jenis Nasal / Nasopharyngeal); dan iHealth Novel Corona Virus (jenis Saliva).

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan, menasihatkan orang ramai, yang ingin mendapatkan kit ujian berkenaan, untuk meneliti senarai 30 kit ujian ART yang telah diluluskan tersebut.

Kit ujian tiruan : Laporkan ke Talian 148

"Walau bagaimanapun, tidak dinafikan juga, kemungkinan ada yang menjual kit ujian tiruan, yang menyerupai 30 jenis kit ART yang disenaraikan itu dan jika orang ramai mendapati ia tidak bertepatan dengan pakej yang *original* (yang boleh dilihat melalui laman *web*), juga mempunyai perbezaan, bolehlah melaporkannya ke Talian 148 atau terus ke Jabatan Makmal, Hospital RIPAS, untuk memberikan ulasan terperinci, mengapa mereka beranggapan apa yang dijual tersebut bukan yang asli," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa mengulas soalan yang diajukan daripada pihak media.

3 mukim catat lebih 80 kes aktif

Melalui hasil penelitian, yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan, di antara 24 Oktober 2021 hingga 30 Oktober 2021, terdapat tiga buah mukim, yang mempunyai kes positif melebihi 80 kes positif.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, mukim-mukim tersebut adalah Mukim Sengkurong (205 kes); Mukim Liang (97 kes); dan Mukim Kuala Belait (120 kes).

60.5 peratus lengkapkan 2 dos vaksin

Pada 1 November 2021, seramai 5,674 orang menerima suntikan vaksin COVID-19. Ini bermakna, di bawah Program Vaksinasi Kebangsaan, seramai 353,399 orang telah menerima satu dos vaksin COVID-19, iaitu 82.2 peratus daripada jumlah penduduk negara. Manakala 260,338 orang telah melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, iaitu 60.5 peratus daripada jumlah penduduk negara.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19 148

116 kes baharu, 213 kes sembuh COVID-19 dilaporkan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Isnin, 1 November. - Sebanyak 116 kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan pada hari ini, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 13,246 orang.

Terdapat 19 tambahan kes baharu pada tujuh kluster aktif, yang sedia ada, pada hari ini, yang merupakan kontak-kontak terdekat bersama beberapa kes positif sebelumnya.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa mengongsikan kenyataannya pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan menjelaskan, terdapat enam kluster baharu dikesan, melibatkan 61 kes.

"Kesemua kluster baharu ini merupakan kluster kediaman, di mana dua daripadanya, iaitu Kluster Tumasek Construction Project; dan Kluster Astal Engineering Staffhouse, adalah kluster rumah yang menempatkan pekerja-pekerja syarikat

berkenaan.

"Enam kluster telah ditutup setelah tidak ada kes dikesan di dalam kluster berkenaan selama 28 hari. Kluster-kluster yang ditutup ialah Kluster Eden Garden Contractor; Kluster 4761; Kluster 7176; Kluster 7290; Kluster 7387; dan Kluster 7591. Oleh yang demikian, jumlah kluster yang aktif adalah 170 kluster," ujar Yang Berhormat.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat, terdapat 36 kes baharu yang masih dalam siasatan bagi mengenal pasti sumber jangkitan.

Sebanyak 213 kes disahkan sembuh, pada hari ini, yang membawa jumlah kes yang sembuh, di Negara Brunei Darussalam kepada 11,502 kes, manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak 1,654 kes.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam kalangan kes-kes yang sedang ada dalam rawatan sekarang, enam kes adalah dalam Kategori 5 dan sedang dirawat, di Unit Rawatan Intensif. Kesemua mereka memerlukan bantuan mesin pernafasan (*artificial ventilation*) dengan dua



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

daripadanya juga memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ExtraCorporeal Membrane Oxygenation - ECMO). Sementara itu, 13 kes lain dikategorikan dalam Kategori 4, iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan adalah di bawah pemantauan rapi.

Dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 2,573 sampel diuji

1 KES KEMBALI KE RAHMATULLAH

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BERAKAS, Isnin, 1 November. - Kementerian Kesihatan, memaklumkan kepada orang ramai, bahawa satu kes yang disahkan COVID-19 kembali ke rahmatullah, hari ini.

Kes tersebut, seorang perempuan, berumur 86 tahun, yang telah mengalami beberapa masalah kesihatan dan tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19.

Perkara tersebut, dimaklumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Di kesempatan itu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan bagi mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan Rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga kes berkenaan juga berdoa semoga roh kes dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama para solihin.

bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 507,527 ujian.

Pada 31 Oktober 2021, seramai 627 orang menerima suntikan vaksin COVID-19. Ini bermakna, di bawah Program Vaksinasi Kebangsaan, seramai 353,041 orang telah menerima satu dos vaksin COVID-19, iaitu 82.1 peratus daripada jumlah penduduk negara. Manakala, 255,022 orang telah melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, iaitu 59.3

peratus daripada jumlah penduduk negara.

"Marilah kita bermunajat memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar *kitani* semua sentiasa berada dalam perlindungan-Nya, dikurniakan kesihatan dan keafiatan, juga semoga segala usaha bersama dalam menangani wabak COVID-19 dipermudahkan dan diberikan kejayaan dengan kehendak juga rahmat-Nya jua. *Amin Amin Ya Rabbal Alamin*," ujar Yang Berhormat mengakhiri kenyataannya.

Perkhidmatan Vaksinasi Bergerak diteruskan ke 3 buah tempat

BERAKAS, Isnin, 1 November. - Kementerian Kesihatan memaklumkan, bahawa Perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak, akan diteruskan lagi, di tiga buah tempat, bagi memberikan kemudahan kepada penduduk-penduduk yang belum mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengumumkan perkara tersebut, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Perkhidmatan Klinik Vaksinasi

COVID-19 Bergerak di Klinik Kesihatan Kampung Bolkiah akan dijalankan, pada Selasa, 2 November 2021, dari jam 9.00 pagi hingga 2.30 petang, khusus untuk penduduk Kampung Bolkiah 'A' dan 'B' (dan kawasan persekitaran, di Mukim Sungai Kebun) juga sekitarnya.

Sementara itu, di Pusat Kesihatan Sungai Liang, akan diadakan selama dua hari, bermula Rabu, 3 November hingga Khamis, 4 November 2021, dari jam 9.00 pagi hingga 2.30 petang, khusus untuk penduduk Mukim Liang juga sekitarnya.

Manakala, di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu, mula dibukakan pada Jumaat, 5 November 2021, dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari; dan Ahad, 7

November 2021, dari jam 9.00 pagi hingga 2.30 petang, khusus untuk penduduk di Mukim Pengkalan Batu juga kawasan sekitarnya.

Manakala, Perkhidmatan Vaksinasi ke Rumah-rumah, akan diadakan pada Khamis, 4 November 2021, mengikut senarai

yang disediakan oleh Ketua Kampung.

"Penduduk setempat, yang ingin mendapatkan suntikan COVID-19, bolehlah datang terus secara *walk-in*, dengan membawa Kad Pengenalan / pasport juga kad (atau nombor) Bru-HIMS, jika ada.

"Bagi mereka yang tidak mampu untuk hadir sendiri ke Pusat-pusat Kesihatan berkenaan disebabkan masalah kesihatan atau kesukaran bergerak, mereka boleh mendaftar atau didaftarkan melalui Ketua Kampung bagi urusan vaksinasi, di rumah masing-masing," jelas Yang Berhormat.

Perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak di Pusat Kesihatan Sungai Liang
khusus bagi penduduk Mukim Liang dan sekitarnya

03.11.2021 (Rabu) hingga 04.11.2021 (Khamis)
9.00 pagi - 2.30 petang

Penduduk setempat yang ingin mendapatkan suntikan COVID-19 bolehlah datang terus secara *walk-in* dengan membawa kad pengenalan/pasport serta kad (atau nombor) Bru-HIMS, jika ada.

Bersama Melindungi

INFO TERKINI KLUSTER AKTIF WABAK COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kluster	Jumlah Kes Baru
Kluster Tumasek Construction Project	25
Kluster #10777	9
Kluster Astal Engineering Staffhouse	5
Kluster #11721	5
Kluster #10993	3
Kluster #10992	14
Kluster #6090	5
Kluster Moshor GC Staffhouse	4
Kluster Sahid Sdn Bhd	4
Kluster HHY Construction	3
Kluster Jln Kota Batu Construction Staffhouse	1
Kluster Tendril International Sdn Bhd	1
Kluster OPS SWAB SWEEP Sengkuring	1
Masih Dalam Siasatan	36

1 NOVEMBER 2021

30 JENIS KIT UJIAN COVID-19 ART DAPAT KELULUSAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Isnin, 1 November. - Kementerian Kesihatan mengongsikan senarai terkini, bagi jenis-jenis kit ujian COVID-19 Antigen Rapid Test (ART) yang mendapat kelulusan untuk diguna pakai, di Negara Brunei Darussalam (NBD), di mana setakat ini, terdapat 30 jenis kit ujian ART diluluskan.

Sehubungan itu, syarikat-syarikat yang ingin memperoleh kit ujian ART untuk dijual kepada orang ramai, boleh merujuk pada senarai yang boleh didapati, di Laman Sesawang Kementerian Kesihatan.

Demikian, dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Antara kit ujian tersebut ialah Panbio COVID-19 RAPID Test Device (jenis Nasopharyngeal);

Biocan Tellmefast COVID-19 Antigen Test (jenis Saliva / Nasal); INNOVITA One Step Rapid Test (2019-nCoV Ag Test) (jenis Anterior Nasal Swab); QuickVue At-Home OTC COVID-19 Test (jenis Nasal); Roche SARS-CoV-2 Antigen Self-Test Nasal (jenis Nasal); ARISTA COVID-19 Antigen Rapid Test (jenis Nasal); NEWGENE Bioengineering COVID-19 Antigen Detection Kit (jenis Sputum / Nasopharyngeal); Medomics SARS-CoV2 Antigen Test Kit (jenis Saliva - Oral Fluid); Wikang Medical SARS-CoV2 Antigen Detection Kit (jenis Saliva / Throat / Nasal); Rapid Response COVID-19 Antigen Rapid Test Device (jenis Nasal / Nasopharyngeal); dan iHealth Novel Corona Virus (jenis Saliva).

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat menasihati orang ramai, yang ingin mendapatkan kit ujian berkenaan, untuk meneliti senarai 30 kit ujian ART yang telah diluluskan tersebut.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

"Walau bagaimanapun, tidak dinafikan juga, kemungkinan ada yang menjual kit ujian tiruan, yang

menyerupai 30 jenis kit ART yang disenaraikan itu dan jika orang ramai mendapati ia tidak bertepatan dengan pakej yang original (yang boleh dilihat melalui laman web), juga mempunyai perbezaan, bolehlah melaporkannya ke Talian 148

atau terus ke Jabatan Makmal, Hospital RIPAS, untuk memberikan ulasan terperinci, mengapa mereka beranggapan apa yang dijual tersebut bukan yang asli," ujar Yang Berhormat semasa mengulas soalan yang diajukan daripada pihak media.

3 mukim catat lebih 80 kes positif

BERAKAS, Isnin, 1 November. - Melalui hasil penelitian, yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan, di antara 24 Oktober 2021 hingga 30 Oktober 2021, terdapat tiga buah mukim, yang mempunyai kes positif melebihi 80 kes positif.

Menurut Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar, mukim-mukim tersebut adalah Mukim Sengkabung (205 kes); Mukim Liang (97 kes); dan Mukim Kuala Belait (120 kes).

Yang Berhormat mengongsikan demikian, pada Sidang Media bagi

Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keberadaan kes-kes positif yang dikesan, di negara ini.

Dalam pada itu, semasa Operasi Pulih yang dijalankan, dari jam 8.00 malam hingga 4.00 pagi tadi, sebanyak 12 pelanggaran arahan dikeluarkan denda kompaun, di seluruh negara, di mana lima daripadanya adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

"Walaupun penularan kes masih dalam tiga angka, namun kita berharap dengan Operasi Pulih

yang dijalankan akan dapat menurunkan lagi kes dengan lebih banyak. Seperti yang kita saksikan hari ini, hanya dua daripada kluster baharu yang dikesan, melibatkan kluster *dormitory*, manakala yang lainnya, adalah rumah persendirian, terutamanya di Kuala Belait," jelas Yang Berhormat semasa sesi soal jawab bersama pihak media.

Yang Berhormat, seterusnya berharap, orang ramai akan dapat memberikan kerjasama yang lebih baik dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk mengurangkan penularan COVID-19, di negara ini.

Stok darah rendah, penderma darah diperlukan segera

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 November. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa Pusat Pendermaan Darah pada masa ini memerlukan para penderma daripada semua kumpulan darah untuk membantu meningkatkan stok bekalan darah di negara ini.

Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan menyeru agar orang ramai tampil untuk menderma darah di Pusat Promosi Kesihatan pada Rabu, 3 November 2021; Khamis, 4 November 2021; dan Sabtu, 6 November 2021, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi; dan 12.30 tengah hari hingga 1.30 petang.

Sehubungan ini, Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi juga akan mengadakan Kempen Derma Darah bersempena dengan Hari Pos Sedunia 2021 pada Khamis, 4 November 2021; dan Sabtu, 6 November 2021, bermula jam 8.00 pagi hingga 1.30 petang, bertempat di Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Orang ramai dialu-alukan untuk sama-sama menjayakan Kempen Derma Darah tersebut.

Selain itu, slot-slot pendermaan darah bolehlah ditempah melalui aplikasi BloodKad atau datang secara *walk-in*.

Para penderma darah juga boleh mengunjungi Tabung Darah Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), Belait dan Tabung Darah Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (HPIHM), Temburong untuk menderma darah pada waktu-waktu seperti berikut.

Perkhidmatan Pendermaan Darah, Tabung Darah HSSB, Belait beroperasi pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.00 pagi hingga 3.30 petang.

Manakala Pendermaan Darah, Tabung Darah HPIHM, Temburong beroperasi pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi; dan 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Untuk maklumat lanjut atau membuat tempahan menderma darah dan bagi mengadakan Kempen Derma Darah di Pusat Promosi Kesihatan atau di Pusat Pendermaan Darah, hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian atau WhatsApp +673 7375745 atau e-mel kepada bloodbank@moh.gov.bn dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook @bloodbank.ripas.

Program Vaksinasi Remaja

Remaja yang berumur 12 hingga 17 tahun bakal divaksin menggunakan Pfizer-BioNTech

Diiktiraf oleh World Health Organization, Centers for Disease Control and Prevention, Food and Drug Administration & Brunei Darussalam Medicines Control Authority

Digunakan bagi remaja di beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, New Zealand dan Singapura

Berkesan kepada golongan ini kerana sistem imun mereka yang kuat

2 dos yang sama seperti orang dewasa diperlukan untuk perlindungan optima

Jarak antara suntikan pertama dan kedua sekurang-kurangnya 21 hari

Kesan sampingan adalah serupa dengan orang dewasa

Ibu bapa disarankan untuk membenarkan anak-anak mereka mengambil vaksin demi menjamin masa depan mereka yang telah terganggu akibat pandemik



www.jpm.gov.bn [jpmbrunei](https://www.instagram.com/jpmbrunei)

SEKTOR PERTANIAN, AGRIMAKANAN, PERIKANAN TUNJUK PERKEMBANGAN POSITIF



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika berucap pada majlis tersebut.

peratus sara diri bagi komoditi telur ayam dan juga berpotensi untuk meraih status yang sama bagi komoditi daging lembu dan kerbau serta ayam pedaging.

"InsyaAllah bagi komoditi-komoditi lain, seperti daging kambing, sayur-sayuran dan buah-buahan tropika serta beras, kita menjangkakan peningkatan keluaran berterusan melalui inisiatif-inisiatif yang sedang berjalan pada masa ini," terang Yang Berhormat.

Bagi Sektor Perikanan, Yang Berhormat menjelaskan, kita berjaya secara umumnya mencapai tahap 81 peratus sara diri negara bagi komoditi ikan.

Oleh itu, kata Yang Berhormat, apabila kita berjaya meningkatkan tahap sara diri, peluang pasaran kita tidak akan hanya terhad untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan, malahan juga berpotensi

untuk pasaran eksport dan sebagai bahan mentah dalam produk tambah nilai dan proses.

Menurut Yang Berhormat, seperti yang dimaklumi bahawa pada awal tahun ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan penerbitan Brunei Darussalam's Economic Blueprint.

Blueprint ini, ujar Yang Berhormat, adalah sebagai pelan penunjuk arah bagi negara kita dalam merealisasikan Matlamat Ketiga Wawasan Brunei 2035 yang dinamik dan *sustainable* ekonomi.

Dalam strategi ini, Yang Berhormat menambah, Sektor Pertanian dan Sektor Perikanan adalah diharapkan akan dapat menyediakan peluang pekerjaan sambil memanfaatkan penggunaan teknologi terkini Revolusi Industri Keempat (4IR).

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, langkah signifikan ini juga diharapkan akan dapat membantu membawa negara kita ke arah mencapai ekonomi yang cemerlang.

Dalam mendukung Economic Blueprint, kata Yang Berhormat,

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

satu peta jalan bagi sektor industri makanan (Food Industry Roadmap) disediakan yang objektifnya untuk meningkatkan pengeluaran makanan yang selamat, halal, berkualiti tinggi dan mengukuhkan *value chain* dalam memberikan sumbangan signifikan kepada pertumbuhan ekonomi,

sekuriti makanan dan eksport.

Peta jalan ini, tambah Yang Berhormat, telah menggariskan pelbagai cabaran dan inisiatif strategik bagi perkembangan berterusan industri makanan dalam negara, terutama di Sektor Pertanian dan Sektor Perikanan.

■ **PROSPEK** pengeluaran dalam Sektor Pertanian dan Agrimakanan juga Sektor Perikanan dijangka akan mencatatkan pertumbuhan yang positif.

■ **SEKTOR** Pertanian menunjukkan perkembangan yang positif dengan peningkatan nilai pengeluaran kasar sektor pertanian sebanyak 7.0 peratus setahun, iaitu daripada BND240 juta pada tahun 2010 kepada BND471 juta pada tahun 2020.

■ **SEKTOR** Perikanan turut mencatatkan peningkatan nilai pengeluaran kasar sebanyak 3.8 peratus setahun, iaitu daripada BND96 juta pada tahun 2010 kepada BND139 juta pada tahun 2020.

■ **BRUNEI Darussalam's Economic Blueprint** adalah sebagai pelan penunjuk arah bagi negara dalam merealisasikan Matlamat Ketiga Wawasan Brunei 2035 yang dinamik dan *sustainable* ekonomi.

■ **SEKTOR** Pertanian dan Sektor Perikanan adalah diharapkan akan dapat menyediakan peluang pekerjaan sambil memanfaatkan penggunaan teknologi terkini Revolusi Industri Keempat (4IR).

Sambutan HPPPN Ke-11 diraikan dengan Majlis Kesyukuran



BERSEMPENA Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan Kali Ke-11, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran secara maya yang disertai oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Bersempena Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Kali Ke-11, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran secara maya.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Amin bin Haji Salim.

Sebelum bersurai, acara diakhiri dengan Ucapan Khas sempena Sambutan HPPPN daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Menyertai acara berkenaan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang bergiat dalam industri, di bawah sektor pertanian;

Setiausaha Tetap KSSUP; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan juga Pegawai, Kakitangan KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya; juga para peladang dan pengusaha, di bawah sektor pertanian juga perikanan.

Mengambil kira situasi semasa COVID-19, Program sempena Sambutan HPPPN Kali Ke-11, pada tahun ini, diisikan dengan acara Seminar secara maya.

Antara tema-tema yang akan

■ **PROGRAM** sempena Sambutan HPPPN Kali Ke-11, pada tahun ini, diisikan dengan acara Seminar secara maya.

■ **ANTARA** tema-tema yang akan dikongsikan semasa sesi Seminar tersebut, Pertanian dalam Kehidupan; Penglibatan Belia dalam Bidang Pertanian; Peluang-peluang Perniagaan dan Pembiayaan Kewangan dalam Bidang Pertanian; Transformasi Ke Arah Teknologi dan Teknik Moden Pertanian; dan akhir sekali, Peluang-peluang Sektor Pertanian di Masa Hadapan.

■ **UNTUK** keterangan dan maklumat lanjut, sila layari laman sesawang, www.agriculture.gov.bn atau mengikuti dari media sosial Instagram, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, @agrifood.gov.bn.

■ **SAMBUTAN** HPPPN merupakan sambutan khas, diadakan pada setiap 1 November, khusus bagi mengiktiraf sumbangan para pengusaha pertanian, perikanan, penternakan dan agrimakanan, dalam membangun ekonomi negara.

■ **HPPPN** dihasrat untuk memberi semangat dan motivasi kepada para pengusaha untuk meningkatkan lagi keluaran juga produktiviti industri pertanian, perikanan, penternakan dan agrimakanan ke arah menyumbang kepada memastikan bekalan makanan dalam negara adalah mencukupi dan mampan.

dikongsikan semasa sesi Seminar tersebut, Pertanian dalam Kehidupan; Penglibatan Belia dalam Bidang Pertanian; Peluang-peluang Perniagaan dan Pembiayaan Kewangan dalam Bidang Pertanian; Transformasi Ke Arah Teknologi dan Teknik Moden Pertanian; dan akhir sekali, Peluang-peluang Sektor Pertanian di Masa Hadapan.

Untuk keterangan dan maklumat lanjut, sila layari laman sesawang, www.agriculture.gov.bn atau mengikuti dari media sosial Instagram, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, @agrifood.gov.bn.

Acara Sambutan HPPPN

merupakan sambutan khas, yang diadakan pada setiap 1 November, khusus bagi mengiktiraf sumbangan pengusaha-pengusaha pertanian, perikanan, penternakan dan agrimakanan, dalam membangun ekonomi negara.

HPPPN juga dihasrat untuk memberi semangat dan motivasi kepada para pengusaha untuk meningkatkan lagi keluaran juga produktiviti industri pertanian, perikanan, penternakan dan agrimakanan ke arah menyumbang kepada memastikan bekalan makanan dalam negara adalah mencukupi dan mampan.

SUMBANGAN BERTERUSAN UNTUK KEMENTERIAN KESIHATAN



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan menerima sumbangan berupa 1,990 naskhah Buku Panduan Pengurusan Diri dan Pemulihan Untuk Pesakit COVID-19 dari Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) (atas), manakala gambar atas kanan, antara yang turut menghulurkan sumbangan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 November. - Kementerian Kesihatan terus menerima pelbagai bentuk sumbangan daripada orang perseorangan juga para penderma sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini. Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) hari ini menyumbangkan sejumlah 1,990 naskhah Buku Panduan Pengurusan Diri dan Pemulihan

Untuk Pesakit COVID-19 (Self-Management and Rehabilitation Booklet for COVID-19 Patients Booklet). Sumbangan tersebut diterima oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohd. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail. Turut hadir, Pengarah Perkhidmatan Hospital, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah

Lailawati binti Haji Jumat; Pengarah Eksekutif PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar; Pentadbir Hospital PJSC, Vivian Tie; dan Ketua Jabatan Rehabilitasi, The Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre, PJSC, Dr. Abang Muhammad Fahmy bin Abang Haji Hepnie. Majlis penyampaian sumbangan tersebut berlangsung di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan, Berakas. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga menerima sumbangan

barang-barang keperluan pada 30 Oktober lalu daripada pihak persendirian, iaitu Jeehan Al-Humayraa binti Muhammad Ali; Ahbab Textiles & Electronic Sdn. Bhd.; Keluarga Haji Awang Damit bin Haji Sulaiman; Green Box; dan Puan Azrina serta Puan Azlin. Dalam pada itu, orang ramai yang ingin membuat sebarang sumbangan bolehlah berhubung terus dengan MOH Emergency Operation Centre (MOHEOC) melalui talian +673 7295712 pada waktu bekerja sahaja.

Didik jiwa masyarakat menjadi lebih prihatin



Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Program Belia Masjid Prihatin 2.0

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 November. - Program Belia Masjid Prihatin 2.0 merupakan salah satu program untuk membantu pengorbanan petugas-petugas barisan hadapan (frontliners) serta memberi sokongan kepada pesakit-pesakit COVID-19. Ia merupakan inisiatif beberapa belia masjid yang dikenali aktif di Negara Brunei Darussalam antaranya Belia Masjid Ashabul Akhyar, Belia Masjid Ashabul Haliim, Belia Masjid Ash-Shaliheen, Kumpulan Belia 'IbadurRahman, Kumpulan Syabul Iman, Belia Syababurroja dan Belia Masjid RPN Kampung Pandan. Berikutan dengan tercetusnya gelombang kedua pandemik

COVID-19 di negara ini dengan kesangkitan tempatan yang mendadak menyebabkan kebimbangan dalam kalangan orang ramai dan banyak memberi kesan kepada kesihatan mental, ekonomi dan sosial dalam masyarakat. Dalam usaha membendung penularan COVID-19 ini, frontliners yang terdiri daripada petugas-petugas kesihatan, para sukarelawan dan lain-lain adalah mereka yang banyak berkorban demi negara. Di samping itu juga, program ini adalah untuk memberi sokongan dan bantuan buat pesakit-pesakit yang telah disahkan positif. Program ini telah dijalankan selama satu bulan bermula 18 September hingga 18 Oktober

PROGRAM Belia Masjid Prihatin 2.0 merupakan salah satu program untuk membantu pengorbanan petugas-petugas barisan hadapan (frontliners) serta memberi sokongan kepada pesakit-pesakit COVID-19.

ANTARA tujuan atau objektif program ini diadakan adalah sebagai bentuk sokongan dan motivasi kepada petugas-petugas barisan hadapan dan pesakit yang disahkan positif.

yang lalu, di mana hasil sumbangan yang dikumpul daripada orang ramai telah mencecah sebanyak BND21,632.80. Dana tersebut telah disalurkan melalui *online transfer* ke akaun bank rasmi salah satu belia masjid berkenaan. Pembelian barang-barang berjalan seiring sumbangan dana diterima mengikut keperluan yang dinyatakan oleh pihak Kementerian Kesihatan, manakala penyerahan barang-barang sumbangan pula diserahkan setiap hujung minggu kepada barisan hadapan dan pesakit disahkan positif COVID-19 secara bergantian. Barang-barang makanan juga disampaikan kepada petugas barisan hadapan di beberapa buah tempat seperti Pusat Pengasingan, Pusat Vaksinasi dan Pusat Uji Swab. Antara tujuan atau objektif program ini diadakan adalah sebagai bentuk sokongan dan motivasi kepada petugas-petugas barisan hadapan dan pesakit yang disahkan positif, sebagai sebuah platform yang rasmi dan legal untuk masyarakat menyalurkan sumbangan, juga bagi bersama-sama mendidik jiwa masyarakat untuk menjadi lebih

prihatin kepada mereka yang memerlukan di samping memaksimumkan fungsi belia masjid sebagai badan sukarelawan

PROGRAM Belia Masjid Prihatin 2.0 merupakan salah satu program untuk membantu pengorbanan petugas-petugas barisan hadapan serta memberi sokongan kepada pesakit-pesakit COVID-19 (kiri sekali dan kiri).

yang bernaung di bawah Jabatan Hal Ehwal Masjid di Negara Brunei Darussalam. Program ini diharap dapat membantu meringankan sedikit sebanyak bebanan petugas-petugas barisan hadapan negara dan pesakit-pesakit, dan semoga segala sumbangan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala dan dengannya moga wabak COVID-19 ini diangkat dari Negara Brunei Darussalam.

Permohonan skim biasiswa kerajaan dibukakan pada Februari 2022

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan


BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 November. - Kementerian Pendidikan sukacita memaklumkan bahawa senarai kursus yang akan ditawarkan di bawah Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke Luar Negeri (Umum) dan senarai kursus serta terma dan syarat Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) bagi Sidang Akademik 2022 / 2023 telah dikeluarkan hari ini.

Permohonan bagi kedua-dua skim tersebut akan dibukakan pada sekitar bulan Februari 2022 melalui laman sesawang rasmi Kementerian Pendidikan.

Syarat-syarat dan senarai kursus-kursus bagi kedua-dua ini juga boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang rasmi Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, bolehlah menghubungi Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan melalui talian telefon +673 2380019 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang); Hotline WhatsApp +673 7104817 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari, dan 1.30 petang hingga 4.30 petang); atau e-mel ke scholarship@moe.gov.bn.

UBDSBE ANJUR PERSIDANGAN ANTARABANGSA KE-3 MENGENAI PERNIAGAAN, EKONOMI, KEWANGAN



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) menyertai Persidangan Antarabangsa Ke-3 mengenai Perniagaan, Ekonomi dan Kewangan melalui aplikasi Zoom yang bertemakan 'Paradigma Perniagaan Baharu semasa Ketidakpastian Ekonomi' anjuran UBD School of Business and Economics (UBDSBE).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - UBD School of Business and Economics (UBDSBE) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Ke-3 mengenai Perniagaan, Ekonomi dan Kewangan dari 1 hingga 3 November 2021 melalui aplikasi Zoom yang bertemakan 'Paradigma Perniagaan

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

Baharu semasa Ketidakpastian Ekonomi'.

Hadir merasmikan majlis tersebut, Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Dekan UBDSBE, Dr. Masairol Haji Masri, diikuti dengan ucapan daripada Profesor Inovasi Digital dan Keusahawanan dari Universiti Antwerp, Belgium, Profesor Wim Vanhaverbeke.

Kertas kerja beliau bertajuk 'Teknologi Digital, Inovasi Model Perniagaan dan Pembangunan Ekosistem Inovasi' membincangkan kuasa berpotensi mengganggu teknologi digital, inovasi modal perniagaan yang perlu dibangunkan untuk menghadapi teknologi ini dan ekosistem inovasi yang perlu diwujudkan untuk membawa inovasi modal perniagaan ke dalam kehidupan.

Beliau juga turut membentangkan kes transformasi digital seperti bidang pertanian, penjagaan kesihatan, tenaga dan mobiliti.

Selain itu, beliau juga meneroka kekuatan dan kelemahan strategi ekosistem inovasi dan cara syarikat perlu mengatur ekosistem inovasi untuk mengubah modal perniagaan mereka. Pembangunan dan orkestrasi ekosistem tersebut adalah sesuatu yang baharu kepada banyak firma.

Hari kedua persidangan itu akan menampilkan taklimat daripada penceramah jemputan, Profesor Kewangan di Jabatan Ekonomi dan Kewangan dari Universiti New Orleans, Amerika Syarikat, Profesor Mohammad Kabir Hassan.

Beliau akan mengongsikan pandangan ilmiahnya tentang 'Kewangan Islam Berasaskan Nilai dan Pembangunan Mampan', manakala pada sebelah petang, perbincangan panel bertajuk 'Inovasi untuk Pembangunan Lestari dan Pengurusan Ekosistem' juga akan diadakan.

Ahli-ahli panel terdiri daripada penceramah jemputan daripada pelbagai bidang, termasuk Profesor Wim Vanhaverbeke, pakar dalam Inovasi Digital dan Keusahawanan; Profesor George Saridakis, pakar dalam Firma Kecil dan Keusahawanan; dan Profesor di Kent Business School, United

Kingdom; Profesor Madya Dr. Yazid Abdullahi, pakar dalam Keusahawanan dari Universiti Sharjah, UAE; serta Ketua Pegawai Eksekutif dari Darussalam Enterprise, Javed Ahmad.

Satu lagi perbincangan panel akan diadakan pada hari ketiga dan topik perbincangan ialah 'Merangkul Fintech Dalam Era Ketidakpastian Perniagaan'.

Ahli Panel terdiri daripada Profesor Kewangan di Universiti Sains Sosial Singapura, Profesor David Lee; dan pakar dalam Kewangan dari Universiti Asia Taiwan, Profesor Alan Wong Wing-Keung.

Para ahli panel turut menampilkan Pengurus dari FinTech, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Hajah Hanisah Azah binti Dr. Haji Awang Abu Bakar; dan Pengarah Urusan / Pengasas Jana Kapital, Haji Aidil Bahrin bin Dato Haji Mohd. Salleh.

Persidangan itu akan menampilkan sebanyak 61 pembentangan oleh penceramah dari Malaysia, Thailand dan Indonesia serta pembentang tempatan dari Negara Brunei Darussalam.

Ini akan dilaksanakan dalam 16 sesi selari yang akan berlangsung sepanjang acara tiga hari itu. Selain kertas kerja mengenai tema utama, persidangan itu juga akan merangkumi beberapa kertas kerja mengenai isu penting, termasuk Kesan dan Pengalaman COVID-19; Inovasi Terbuka dan Pengurusan Pengetahuan; Isu Strategik Dalam Perniagaan; Pengurusan Sumber Manusia dan Kepimpinan; Isu Dalam Pembangunan Perniagaan; Pelancongan; Ekonomi; Celik Kewangan dan Fintech; Transformasi Digital; Teknologi dan Pembangunan Maklumat; Sistem Pengurusan Prestasi; Pengurusan Pemasaran dan Tingkah Laku Pengguna; Kesediaan untuk menerima pakai Industri 4.0, Asia dan Ekonomi Baharu dan Pembangunan Ekonomi.

Penganjur bersama persidangan itu, termasuk Fakulti Sains Pengurusan, Universiti Silpakorn, Thailand; Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam (INCEIF), Malaysia; Universiti Teknologi MARA (UTIM), Sarawak, Malaysia; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; BDCB; dan Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF).

Tingkat kesedaran kesihatan lelaki melalui MOVEMBER

Siaran Akhbar : Pusat Pakar Pantai Jerudong

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - MOVEMBER (campuran Misai dan bulan November) yang diraikan pada bulan November adalah sebagai sokongan kepada bapa, abang, anak lelaki dan rakan lelaki untuk meningkatkan kesedaran tentang Kanser Prostat, Kanser Testikal dan kesihatan mental lelaki.

Matlamat MOVEMBER adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kesihatan lelaki. Menggunakan misai sebagai simbol pergerakan, MOVEMBER memberi tumpuan kepada tiga bidang utama, iaitu kanser Prostat; Kanser Testikal; dan kesihatan mental (pencegahan bunuh diri).

Pusat Kanser Brunei (TBCC), Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) merupakan pusat rujukan rawatan kanser di Negara Brunei Darussalam (NBD).

TBCC PJSC ingin mengetengahkan tiga kanser lelaki teratas di NBD, iaitu Kanser Kolorektal; Kanser Paru-paru; dan Kanser Prostat.

Pertama, Kanser Prostat. 1 daripada 27 lelaki di NBD berisiko

mendapat Kanser Prostat dan ia menyumbang 1 peratus daripada jumlah kematian.

Kanser Prostat menyumbang 40 daripada 448 (8.9 peratus) kanser lelaki baharu yang didiagnosis pada 2021. Ia adalah kanser lelaki ketiga paling biasa selepas Kanser Kolorektal (20.3 peratus) dan Kanser Paru-paru (15.2 peratus).

TBCC, PJSC mendapati lebih 300 kes Kanser Prostat di Out Patient Department (OPD) dari Januari hingga Oktober 2021.

Kedua, Kanser Testikal. Terdapat satu lagi kanser lelaki, iaitu Kanser Testikal. Ia adalah kanser lelaki yang paling biasa dalam kumpulan umur 15 hingga 40 tahun walaupun lelaki yang lebih tua juga berpotensi mendapat varian Kanser Testikal yang berbeza.

Kanser Testikal menyumbang 1.4 peratus daripada semua kanser lelaki. Sebanyak lapan kes didapati di TBCC PJSC pada tahun 2020.

Merokok (30 hingga 40 peratus) dan obesiti (40 peratus) adalah

dua risiko yang paling penting yang boleh dikaitkan dengan kebanyakan kanser. Satu daripada lima perokok aktif di NBD adalah lelaki terdiri daripada 36 peratus.

Pengurangan dalam dua faktor risiko tersebut boleh membantu mencegahnya. Hampir 14 peratus rakyat NBD mengalami obesiti menunjukkan pemakanan sihat dan gaya hidup aktif adalah penting.

Kebolehcapaian vaksin HPV untuk kumpulan berisiko tinggi; memberi pendidikan tentang amalan seks selamat; mengamalkan penjagaan kebersihan yang betul; dan mengetahui tanda-tanda dan gejala kanser lelaki adalah antara usaha untuk mencegah kanser.

Ikuti @PJSCBrunei di Instagram untuk mengetahui lebih lanjut tentang kanser lelaki dalam Kempen MOVEMBER yang diadakan selama sebulan.

Sempena MOVEMBER ini, mari kita meningkatkan kesedaran tentang kesihatan lelaki dan berikrar untuk menyokong mereka dalam perjuangan mereka melawan kanser lelaki.

Al-Quran suluh kehidupan dunia, akhirat

pula akan menghalang mereka daripada kembali semula ke dalam kegelapan dan memastikan agar mereka sentiasa memperoleh bekalan cahaya yang mencukupi. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 1:

"Alif Lam Ra. (Inilah) Kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) supaya engkau mengeluarkan manusia daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman) dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji".

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman lagi dalam Surah Al-Hadid, ayat 9:

"Dialah yang menurunkan kepada hamba-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) ayat-ayat keterangan yang nyata (Al-Quran) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan sesungguhnya Allah Maha Belas Kasihan dan Maha Pengasih terhadap kamu".

Dalam kehidupan ini, manusia sering kali berhadapan dengan kesulitan, kesuraman dan kesedihan, walaupun mereka telah dikurniakan dengan kesenangan dan kemewahan. Ini kerana kemewahan dan

kekayaan hanya bersifat sementara. Sebaliknya dengan Al-Quran, seseorang hamba itu mampu mengecapi ketenangan hati dan kebahagiaan yang hakiki kerana Al-Quran membekalkan manusia dengan bekalan cahaya yang mampu menerangi dan menutun serta membimbing mereka ke jalan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Orang yang mempercayai Al-Quran, mereka akan sentiasa membacanya, mempelajarinya, memahaminya dan mengamalkannya, untuk diajarkan kepada orang lain, sehingga rahmatnya dapat dirasai dan dinikmati oleh seluruh makhluk Allah di muka bumi ini. Ini kerana Al-Quran adalah sebaik-baik bacaan bagi orang mukmin, sehingga orang yang membacanya itu akan menerima ganjaran pahala. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fathir, ayat 29:

"Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa (melazimkan) membaca Kitab Allah (Al-Quran) dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka sama ada secara bersembunyi-sembunyi atau secara berterang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang sekali-kali

tidak akan rugi".

Demi mencapai kehidupan yang lebih baik dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala, sepatutnya kita berusaha lebih giat lagi mendalami isi Al-Quran, bukan hanya bersikap pasrah sahaja dan mengikut rentak mereka yang tiada pedoman dan pegangan, sebaliknya kita sepatutnya menjadi contoh dan pembuka mata bagi generasi Islam hari ini dalam mendukung ajaran Islam melalui penghayatan Al-Quran kerana sesuatu yang sudah sebatipada mereka itu tidak akan berubah jika kita sendiri yang tidak berusaha merubahnya. Perkara ini sangat bersesuaian dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 11:

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka merubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri".

Oleh itu, jadikanlah Al-Quran sebagai suluh dan pendamping hidup yang dapat menerangi serta menjaga kesucian hati dan jiwa untuk menuju ke arah kebaikan yang akan membentuk peribadi umat yang mulia dan cemerlang dengan cara membacanya, memahaminya, menghayatinya dan mengamalkan segala ajarannya.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

AL-QURAN merupakan cahaya yang sangat terang yang mampu menyuluh hati dan jiwa manusia yang berada dalam kegelapan dan kesamaran. Cahayanya dapat membezakan di antara kebenaran dan kebatilan, di antara keadilan dan kezaliman, di antara kebahagiaan dan kekejaman. Cahayanya umpama pelita atau lampu suluh untuk menerangi kegelapan ketika berada dalam perjalanan hidup dan cahayanya juga merupakan saham atau pelaburan jangka panjang yang sangat menguntungkan yang mana ia pasti akan sentiasa berada di tahap yang teratas apabila nilai-nilai keimanan dan ketakwaan mula sebatipada dalam diri seorang hamba Allah Subhanahu Wata'ala.

Al-Quran juga diumpamakan sebagai cahaya yang sentiasa bersinar menerangi kehidupan seseorang hamba dan bertindak membawa mereka keluar apabila berada dalam kegelapan kepada cahayanya yang terang benderang. Kemudian, cahayanya itu

Bersangka baik terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala : Usaha mengatasi kesedihan dan tekanan

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PANDEMIK COVID-19 yang melanda dunia pada ketika ini tidak hanya mendatangkan kesan terhadap kesihatan fizikal dengan menjangkiti jutaan manusia malahan juga terhadap kesihatan mental, antaranya berlaku peningkatan tahap kemurungan di seluruh dunia disebabkan kesedihan kerana kehilangan orang tersayang, pengasingan diri, kehilangan pendapatan, ketakutan tentang jangkitan dan yang seumpamanya. Yang lebih parah lagi, penyakit kemurungan yang dihadapi itu boleh membawa kepada perbuatan membunuh diri.

Kemurungan merupakan gangguan mental yang bercirikan kesedihan secara berterusan dan merupakan penyebab utama kepada beban penyakit global secara keseluruhannya. Penyelidikan semasa menunjukkan bahawa kemurungan berpunca disebabkan oleh gabungan faktor genetik, biologi, persekitaran dan psikologi. Namun menurut laman sesawang Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam bahawa kemurungan boleh dirawat dan diatasi sekalipun dalam kes yang paling kritikal. Semakin awal rawatan dijalankan, semakin berkesan rawatan tersebut. Biasanya penyakit ini boleh dirawat dengan ubat-ubatan, psikoterapi atau gabungan keduanya.

Di dalam laman sesawang berkenaan juga dimuatkan beberapa panduan tentang perkara yang boleh dilakukan untuk mencegah atau mengatasi kemurungan. Sebagai contoh, langkah-langkah yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan ialah agar sentiasa berfikir positif, mendapatkan bantuan pakar, mengamalkan gaya hidup sihat dan sentiasa berhubung dengan orang yang tersayang. Berfikir positif di sini bermaksud memikirkan sesuatu yang baik dalam setiap situasi atau merasa yakin dan pasti bahawa sesuatu yang baik akan berlaku. Ini kerana dengan berfikir positif itu boleh mengatasi rasa tertekan, bersedih dan berduka.

Sebagai seorang muslim, bersangka baik terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala merupakan cara utama untuk melegakan hati yang tertekan seterusnya memberi jalan untuk keluar dari kesedihan dan kedukaan yang berpanjangan. Inilah saranan yang dinyatakan oleh Imam Fakhr ar-Razi Rahimahullah dalam kitab tafsir beliau, at-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghayb. Beliau menyebut tentang kesabaran Nabi Ya'qub 'alahissalam ketika menghadapi ujian yang diberitakan kepada

Baginda tentang anaknya, Bunyamin, yang ditahan oleh penguasa Mesir. Mengetahui berita tersebut, paling jelas, Baginda 'alahissalam bersangka baik dengan rahmat Allah Subhanahu wa Ta'ala itu, dan yakin lagi pasti bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala tetap membantu dan memberi jalan keluar dari kesulitan yang dihadapi Baginda.

Tuntutan untuk bersangka baik terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala
Adapun bersangka baik terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala dan tidak bersangka buruk terhadapNya, hukumnya adalah wajib, sebagai contoh tidak membandingkan Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan apa-apa yang tidak layak denganNya.

Disebut antaranya dalam kitab Hawasyi asy-Syarwani wa al-'Abbadi 'ala Tuhfah al-Muhtaj :

Ertinya : Maka yang wajib itu ialah berbaik sangka terhadap Allah dengan tidak bersangka buruk terhadapNya seperti membandingkanNya dengan apa-apa yang tidak layak denganNya.

Manakala bersangka buruk terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala pula hukumnya adalah haram dan termasuk dalam dosa-dosa besar. Berburuk sangka yang dimaksudkan itu ialah berputus asa dan putus harapan terhadap rahmat Allah Subhanahu wa Ta'ala. Malahan berburuk sangka itu melebihi daripada maksud berputus asa dan putus harapan kerana ia juga mengandungi maksud mengharuskan sesuatu yang tidak layak dengan kemuliaan dan kemurahan Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada hamba-hambaNya. Dalam Kitab az-Zawajir 'an Iqtiraf al-Kaba'ir menyebut :

Ertinya : Dan yang jelas juga bahawasanya berburuk sangka (terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala) adalah lebih dari (maksud) keduanya (berputus asa dan putus harapan) kerana sesungguhnya (berburuk sangka itu) adalah putus asa dan berputus harapan (malah) lebih (dari maksud itu) kerana ia mengharuskan sesuatu (terhadap) Allah Subhanahu wa Ta'ala yang tidak layak dengan kemuliaanNya dan kemurahanNya (kepada hamba-hambaNya).

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : Wahai anak-anakku! Pergi dan carilah berita mengenai Yusuf dan saudaranya (Bunyamin), dan janganlah berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya tiada yang berputus asa daripada rahmat Allah melainkan kaum yang kafir.

(Surah Yusuf : 87)

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala lagi :
Tafsirnya : Nabi Ibrahim berkata : "Dan tidak ada yang berputus asa daripada rahmat Tuhannya melainkan orang-orang yang sesat".

(Surah al-Hijr : 56)

Berbaik sangka terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam menghadapi kesedihan dan mengatasi kesulitan

Bersangka baik terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala boleh menghilangkan kesedihan dan kedukaan disebabkan tekanan atau kesusahan yang menimpa, kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala akan memberi ketenangan di hati serta memberi jalan keluar dari kesusahan yang dihadapinya. Ini kerana bersangka baik terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala iaitu dengan menghidangkan pengharapan terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala, pastinya Allah Subhanahu wa Ta'ala akan memberikan dan mengabulkan apa yang diharapkannya.

Perkara ini disebut dalam sebuah hadits Qudsi yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Allah Ta'ala berfirman : "Aku (memperlakukan hambaKu berdasarkan) sangkaan hambaKu kepadaKu. Aku bersamanya apabila dia mengingatiKu. Maka jika dia mengingatiKu dalam dirinya, (nescaya Aku juga akan) mengingatnya dalam diriKu. Dan jika dia mengingatiKu dalam satu kumpulan, (nescaya) Aku juga akan mengingatnya dalam satu kumpulan yang lebih baik daripada mereka. Dan jika dia mendekatiku pada jarak sejengkal, (nescaya) Aku akan mendekatinya dengan jarak sehasta. Jika dia mendekatiku dengan jarak sehasta, (nescaya) Aku akan mendekatinya dengan jarak sedepa. Dan jika dia datang kepadaKu dalam keadaan berjalan seperti biasa, (nescaya) Aku akan datang kepadanya dalam keadaan berlari-lari anak (mendahului hambaNya dengan memberikan rahmat)".

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)
Ulama memberikan maksud perkataan : "Aku (memperlakukan hambaKu berdasarkan) sangkaan hambaKu kepadaKu" dalam hadits di atas, antaranya ;

- Pengarang Kitab Fathul Bari fi Syarh al-Bukhari, memberikan maksudnya : "Aku berkuasa untuk memperlakukan hambaKu dengan apa yang dia sangkakan akan Aku lakukan terhadapnya".
- Pengarang kitab 'Umdah al-Qari Syarh Shahih al-Bukhari menyatakan maksudnya : "Sekiranya dia menyangka bahawa Aku memaafkan dan mengampunkannya, maka baginya yang demikian (kemaafan dan pengampunanKu). Dan sekiranya dia menyangka diberi hukuman dan pembalasan, maka yang demikian itulah baginya".

Manakala Imam al-Qurthubi Rahimahullah memberikan maksud perkataan : "Sangkaan hambaKu



IRSYAD HUKUM

جائز في كماله
جائز في كماله

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

terhadapKu" itu ialah sangkaan baik terhadap penerimaan doa (seseorang hamba itu) ketika dia berdoa; penerimaan taubat ketika dia bertaubat; mendapat keampunan ketika dia memohon keampunan (istighfar) dan (sangka baik) akan mendapat pahala ketika melakukan ibadah dengan syarat dia yakin dan percaya akan kebenaran janji Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Oleh itu, jelas kepada kita bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala akan memperlakukan kita sebagaimana sangkaan kita terhadapNya. Apabila kita bersangka baik terhadapNya seperti berharap dan yakin mendapat keampunanNya, nescaya kita akan diampunkan. Begitu juga apabila kita bersangka baik bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala menghilangkan tekanan dan kesedihan kita, nescaya Allah Subhanahu wa Ta'ala akan menghilangkannya daripada diri kita.

Begitu juga dengan perkara kemurungan disebabkan kesedihan berpanjangan dan rasa tertekan, perbuatan bersangka baik terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala adalah terapi terbaik untuk menjadi pengubat kesedihan dan kedukaan yang berpanjangan serta rasa putus asa itu. Jelasnya, Allah Subhanahu wa Ta'ala akan sentiasa bersama kita, mengasihani dan membantu kita serta menerima doa dan taubat kita.

Selain itu, mereka yang mengalami masalah kesedihan dan rasa tertekan hendaklah berusaha untuk mendapatkan bantuan pakar, mengamalkan gaya hidup sihat dan sentiasa berhubung dengan orang yang tersayang sebagaimana yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan. Bagi orang sekeliling pula, adalah penting agar mereka sentiasa memberi sokongan dan bimbingan kepada mereka yang mengalami masalah sedemikian.

Langgar Peraturan Lalulintas Jalan Raya : Pemandu lori dikompaun

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 November. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) membuat penyiasatan terhadap sebuah kenderaan Lori Kargo (Cargo Truck) dengan Crane yang memunggah sebuah kenderaan jenis Lori Jongket (Tipper Truck) yang dipandu melalui Jalan Utama Berakas, yang tular di laman media sosial baru-baru ini.

JPD telah memanggil pemandu terlibat dan hasil siasatan mendapati pemandu tersebut telah membuat kesalahan menggunakan kenderaan yang tidak sesuai yang boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

Sehubungan itu, pemandu dikenakan kompaun kerana melanggar Peraturan-peraturan Lalulintas Jalan Raya, Penggal 68 di bawah Seksyen 22 (C) iaitu 'kenderaan yang tidak sesuai dari segi struktur digunakan bagi tujuan lain dan boleh menyebabkan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengangkutan Darat

bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain' dan mengikut peraturan tersebut yang memerlukan pemandu tersebut untuk diuji semula, lesen memandunya dibatalkan sekiranya didapati gagal di dalam ujian semula, di samping tindakan-tindakan kompaun terhadap pemandu tersebut.

Pemandu tersebut dikenali sebagai Ujang Baihaqi, nombor Kad Pengenalan, 51-075007, merupakan pemilik Syarikat Malawaring Sendirian Berhad, dengan nombor pendaftaran kenderaan BAH7455 jenis Trak Kargo dengan Crane.

Antara kesalahan yang dilakukan, U/REG 27 : membawa muatan secara berbahaya (melebihi paras tahap atap lori); U/REG28 : lori tidak sesuai membawa muatan dan akhir sekali, U/REG 29 : membawa

muatan melebihi tinggi tanpa kebenaran Polis / JPD. Kesemua kesalahan tersebut di denda sebanyak BND100 setiap kesalahan.

Dalam masa yang sama, JPD juga telah pun mengeluarkan surat amaran kepada pengurus atau pemilik syarikat berkenaan. Sebarang kesalahan lain jika dilakukan oleh syarikat ini pada masa akan datang boleh diambil tindakan lanjut, antaranya bagi permit Kenderaan Perkhidmatan Awam syarikat berkenaan untuk turut digantung.

Kesalahan seperti ini dikenakan denda kompaun sebanyak BND100 bagi kesalahan pertama, BND200 bagi kesalahan kedua dan seterusnya sehingga kesalahan keempat di mana kes berkenaan boleh dihidangkan ke mahkamah.

JPD ingin mengingatkan orang ramai, khususnya pengguna jalan



SEBUAH kenderaan Cargo Truck dengan Crane yang memunggah sebuah kenderaan jenis Tipper Truck yang dipandu melalui Jalan Utama Berakas.

raya, untuk sentiasa berhati-hati dan mematuhi Peraturan dan Undang-Undang Lalulintas Jalan Raya bagi menjaga keselamatan bersama di jalan raya.

Di kesempatan ini, JPD turut menghargai dan mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk terus

melaporkan dan mengongsikan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kesalahan lalu lintas jalan raya melalui Talian Darussalam (TD) 123 atau melalui aplikasi WhatsApp TD +673 8333123 dengan menyertakan gambar kenderaan terbabit.

PELANTIKAN AJK BELIA DA'IE BAHARU

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 November. - Seramai 47 Ahli Jawatankuasa (AJK) Belia Da'ie Baharu Sesi 2021 / 2023 menyertai Majlis Pembubaran Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie 2019 / 2021 dan Pelantikan Baharu AJK Belia Da'ie 2021 / 2023 anjuran Badan Sukarelawan Belia Da'ie di bawah naungan Urus Setia Program Keagamaan Belia (PKB), Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) berlangsung secara maya melalui aplikasi Zoom, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Bersama PKB Di Bawah KHEU.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh AJK Belia Da'ie sesi 2021 / 2023, Awangku Aminor Ridhwan bin Pengiran Amir Hamzah, diikuti dengan ucapan khas daripada tetamu kehormat majlis dan ucapan daripada Pengerusi Belia Da'ie bagi Sesi 2019 / 2021, Awang Mohammad Fikri Fathuddin bin Assokan.

Majlis kemudian diteruskan dengan Pembentangan Laporan Tahunan Belia Da'ie 2019 hingga 2021 yang meliputi laporan program-program yang telah dilaksanakan; jumlah keahlian Belia Da'ie termasuk AJK sejak penubuhannya pada tahun 2015; pencapaian (*milestones*) dan pelan akan datang iaitu Sistem Pemantapan Belia Da'ie bagi melancarkan lagi usaha dakwah


dalam kalangan masyarakat dan Ahli Belia Da'ie sendiri.

Pembentangan ini disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Belia Da'ie Sesi 2019 / 2021, Dayang Siti Hurul-Ain Diyana binti Haji Abdul Majid yang juga seterusnya menyampaikan pengumuman rasmi Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Da'ie Sesi 2021 / 2023 seramai tujuh orang AJK fasa penapisan dan kelayakan bersama AJK Tertinggi Sesi 2019 / 2021 dan juga Asatizah daripada Urus Setia PKB.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan penyerahan e-Sijil Penghargaan dan penyerahan e-Surat Pelantikan secara simbolik diberikan kepada AJK Belia Da'ie baharu Sesi 2021 / 2023. Kedua-dua e-Sijil Penghargaan dan e-Surat Pelantikan ini disampaikan melalui paparan skrin (*virtual*).

Kemudian acara Penyerahan e-Fail Meja Belia Da'ie dengan cara akad serah-terima daripada mantan Pengerusi Belia Da'ie kepada Pengerusi Baharu Belia Da'ie Sesi 2021 / 2023 sebagai panduan dan rujukan tugas serta tanggungjawab yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh pelantikan.

Ucapan Pengerusi Baharu Sesi 2021 / 2023, Awang Muhammad Fuad bin Matahir turut dilaksanakan dan seterusnya mengetuai bacaan ikrar dan diikuti oleh seorang wakil AJK Belia Da'ie baharu iaitu Awang Muhammad Muizzuddin Asyur bin Awang Mat Japar selaku Penolong



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh pada Majlis Pembubaran Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie 2019 / 2021 dan Pelantikan Baharu AJK Belia Da'ie 2021 / 2023 secara maya melalui aplikasi Zoom.

Timbalan Pengerusi Sesi 2021 / 2023.

Majlis diakhiri dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Doa Pelihara Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Terhindar Dari Wabak COVID-19 yang dipimpin oleh Bendahari Belia Da'ie Sesi 2021 / 2023, Awang Mohammad Najihuddin bin Nooralizam.

Turut hadir, Ketua Mentor PKB di bawah KHEU, Awang Haji Ahmad

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Abdussalam bin Haji Abdul Rahman; Ketua Urus Setia PKB, PDI, Dayang Hajah Siti Rahmah binti Haji Julaihi; Ketua-Ketua Bahagian PDI, Mentor dan Aktivis Badan Sukarelawan Belia Da'ie dan Pegawai-pegawai Urus Setia PKB.

Antara tujuan diadakan majlis ini adalah untuk memberi penghargaan kepada AJK lama

yang telah menabur bakti menyemarakkan usaha dakwah Badan Sukarelawan Belia Da'ie dan dengan pelantikan AJK Baharu Tahun 2021 / 2023 dapat menjalankan tugas dakwah secara sukarela dengan penuh semangat, amanah dan berdedikasi serta menjadi da'ie contoh untuk keluarga dan masyarakat umumnya.

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perkhidmatan Pos



Sentiasa peka, tidak terpedaya!

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa JPP telah menerima aduan daripada beberapa pelanggan, pada 1 November 2021, berhubung dengan 'Pembayaran Yuran dan Kos Penghantaran Bungkusan', yang didakwa kepunyaan JPP.

Sehubungan itu, JPP memaklumkan kepada orang ramai, khususnya pelanggan-pelanggan yang berurusan bersama JPP, bahawa pautan teks pesanan ringkas, dari 'Brunei Post' adalah tidak benar dan JPP tidak pernah meminta maklumat peribadi juga maklumat perbankan daripada pelanggan untuk mana-mana perkhidmatan yang sedia ada.

Hasil analisa oleh Cyber Security Brunei (CSB) melalui BruCERT mendapati, bahawa ini adalah pancingan data (*phishing*).

Sehubungan itu, pihak BruCERT menyarankan orang ramai agar tidak mengongsikan maklumat peribadi dan kewangan *biskita* bersama pihak yang tidak dikenali, ketika dalam talian.

Pastikan kesahihannya terlebih dahulu, sebelum menekan pautan yang diterima melalui SMS atau WhatsApp atau media sosial dan pastikan untuk menggunakan laman sesawang rasmi kerajaan, iaitu gov.bn untuk sebarang urusan

■ **JPP memaklumkan kepada orang ramai, khususnya para pelanggan yang berurusan bersama JPP, bahawa pautan teks pesanan ringkas, dari 'Brunei Post' adalah tidak benar.**

■ **JPP tidak pernah meminta maklumat peribadi juga maklumat perbankan daripada para pelanggan untuk mana-mana perkhidmatan yang sedia ada.**

■ **HASIL analisa oleh Cyber Security Brunei (CSB) melalui BruCERT mendapati, bahawa ini adalah pancingan data (*phishing*).**

■ **PIHAK BruCERT menyarankan orang ramai agar tidak mengongsikan maklumat peribadi dan kewangan *biskita* bersama pihak yang tidak dikenali, ketika dalam talian.**

■ **PASTIKAN kesahihannya terlebih dahulu, sebelum menekan pautan yang diterima melalui SMS atau WhatsApp atau media sosial.**

■ **PASTIKAN untuk menggunakan laman sesawang rasmi kerajaan, iaitu gov.bn untuk sebarang urusan yang melibatkan perkongsian maklumat peribadi.**

■ **ORANG ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa peka dan tidak terpedaya dengan maklumat yang mencurigakan juga tidak pasti kesahihannya.**

yang melibatkan perkongsian maklumat peribadi.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa peka dan tidak terpedaya dengan maklumat yang mencurigakan juga tidak pasti kesahihannya.

JPP mengambil serius mengenai kegiatan penipuan ini dan secara aktif melaksanakan pelbagai langkah keselamatan, untuk melindungi para pelanggan dari

sebarang kejadian yang tidak diinginkan.

Dalam pada itu, pihak JPP memohon kerjasama orang ramai untuk melaporkan sebarang kegiatan penipuan dalam talian dengan menghubungi BRUCert menerusi talian +673 2458001 atau e-mel ke reporting@brucert.org.bn.

JPP ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Bungkusan anda telah dialihkan ke cawangan pejabat pos tempatan anda kerana kos penghantaran yang belum dibayar. Sila lawati: <https://bit.ly/3EzDh5u>


PSW ADAKAN MAJLIS MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL

PERSATUAN Siswazah Wanita (PSW) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah secara maya, yang turut disertai oleh Yang Dipertua PSW, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Persatuan Siswazah Wanita (PSW), baru-baru ini mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis yang diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom itu dihadiri oleh Yang Dipertua PSW, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin; Naib Yang Dipertua I PSW, Dayang Zainab binti Dato Paduka Haji Alikhan; dan Naib Yang Dipertua II, Dr. Hajah Hairuni binti Haji Mohamed Ali Maricar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai




oleh Yang Dipertua PSW, disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Dayang Nur Aizat Yatimi binti Haji Sahari.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan Tahlil oleh Dayang Zeliha binti Haji Mohamad Ali, manakala Doa Tahlil dibacakan oleh Dayang Hajah Hasni binti

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Persatuan Siswazah Wanita

Zaini. Darussalam dibacakan oleh Pengiran Hajah Razmahayati binti Pengiran Haji Mahmud.

BASMIDA anjur Majlis Tahlil bagi Al-Marhum DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim



ACARA yang diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom itu turut disertai oleh Yang Di-Pertua Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA), Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali juga Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Ahli-ahli BASMIDA.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Basmi Dadah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA), baru-baru ini, mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil, khusus bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir menyertai majlis yang

diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom itu ialah Yang Di-Pertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali juga Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Ahli-ahli BASMIDA.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Naib Yang Di-Pertua BASMIDA, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah, antara lain mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli yang menjayakan majlis berkenaan.

Kemudian, bacaan Surah

Al-Fatihah, diketuai Dayang Nur Aizat Yatimi binti Haji Shari, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Tahlil, dipimpin oleh Dayang Hajah Asmah binti Haji Paidi.

Sementara itu, Doa Menghindari Wabak COVID-19 dibacakan oleh Dayang Nur Aizat Yatimi, yang juga memimpin bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim mangkat, pada Sabtu, 7 Rabiulawal 1442H bersamaan 24 Oktober 2020 Masihi.



Talian 'AAFIAH

UNIT KESEJAHTERAAN DAN PERKEMBANGAN PELAJAR
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

No. Telefon:
+6737413058

Waktu Operasi:
Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 pagi hingga 11.30 pagi
2.00 petang hingga 4:00 petang

Talian dibuka bagi warga sekolah khususnya guru-guru, pelajar-pelajar dan para ibu bapa serta penjaga yang ingin mengongsikan permasalahan/aduan yang berkaitan dengan kesejahteraan dan kebajikan pelajar.



KEDAYATAHANAN INSTITUSI PERBANKAN ASEAN MELALUI PENUBUHAN ASAS MODAL KUKUH

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), hari ini, menjadi tuan rumah pada Mesyuarat Lembaga Eksekutif China - ASEAN Interbank Association (CAIBA) Ke-11; dan ASEAN Plus Three Interbank Cooperation Mechanism (APTIBCM).

Mesyuarat, yang diadakan secara maya itu, membawa tema, 'Empowering the Future with Sustainability & Digitalisation', disertai oleh wakil daripada institusi kewangan terkemuka, dari Negara-negara Anggota ASEAN juga Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

Dalam ucapan aluan-aluannya, Pemangku Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Awang Haji Sofian bin Mohammad Jani selaku Ahli Lembaga Pengarah BIBD, menyentuh tentang kedayatahan institusi perbankan ASEAN, walaupun berdepan cabaran dan ketidakpastian beberapa tahun kebelakangan ini, melalui penubuhan asas modal yang kukuh juga pengurusan risiko yang berdisiplin.

"Ketahanan ini juga berpunca daripada sokongan padu pihak kerajaan masing-masing kepada pihak bank dan Bank Pusat, yang telah membantu pihak bank menghadapi kesan wabak tersebut. Ia sangat mengembirakan apabila melihat Bank Pusat mengeluarkan sejumlah besar aliran tunai ke dalam sistem perbankan melalui pelbagai kaedah, termasuk mengurangkan nisbah keperluan rizab," tambahnya.

Pemangku Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Awang Haji Sofian selaku Ahli Lembaga Pengarah BIBD, turut mengetengahkan tema CAIBA dan APTIBCM tahun ini, yang melengkapkan tema untuk Sidang Kemuncak ASEAN 2021, 'We Care, We Prepare, We Prosper', memandangkan pandemik mempercepatkan anjakan paradigma dalam ekonomi global, dengan tumpuan khusus pada transformasi digital, dan lebih banyak perbincangan mengenai



BANK Islam Brunei Darussalam menjadi tuan rumah pada Mesyuarat Lembaga Eksekutif China - ASEAN Interbank Association (CAIBA) Ke-11; dan ASEAN Plus Three Interbank Cooperation Mechanism, yang diadakan secara maya dan bertemakan 'Empowering the Future with Sustainability & Digitalisation', yang turut disertai oleh wakil daripada institusi kewangan terkemuka dari Negara-negara Anggota ASEAN juga Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

kemampuan.

"Sebagai Institusi Kewangan Islam Terbesar negara, BIBD sentiasa berpandukan Maqasid Syariah, yang mementingkan pemeliharaan juga meningkatkan keimanan, kehidupan, minda, keturunan dan kekayaan. Prinsip-prinsip Tadbir Urus Alam Sekitar, Sosial dan Korporat (ESG) juga kemampuan, sejajar dengan tonggak Maqasid. Dari segi pendigitalan, BIBD terus menyediakan ekosistem digital yang komprehensif, di mana hampir setiap perkhidmatan yang disediakan boleh diakses tanpa perlu secara fizikal datang ke cawangan," jelasnya.

Awang Haji Sofian, seterusnya berkata, "Seiring dengan komitmen bank sebagai Rakan Dalam Kemajuan, untuk melengkapkan usaha kerajaan untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 melalui kedua-dua aktiviti perniagaan dan

inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), BIBD juga merupakan penyokong setia Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau SDG. Matlamat ini sudah selari secara intrinsik dengan amalan perbankan juga aktiviti CSR BIBD, dengan bank komited untuk melakukan lebih banyak lagi untuk mempercepatkan kemajuan ke arah mencapai 17 matlamat ini dalam masa terdekat".

Mesyuarat Lembaga Eksekutif CAIBA Ke-11; dan APTIBCM Ke-2, mendengarkan uaputama daripada Pengarah Urusan Bank Pusat Negara Brunei Darussalam (BDCB), Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar juga Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke ASEAN, Tuan Yang Terutama Deng Xijun.

Semasa sesi perbincangan, bank-bank ahli berkongsi

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

maklumat, pengalaman dan penilaian mendalam mengenai topik yang diminati, termasuk transformasi pendigitalan di tengah-tengah pandemik global, melibatkan generasi bank akan datang, ke arah pembangunan mampan juga integrasi ESG ke dalam amalan perbankan.

Mengakhiri mesyuarat itu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar menyentuh mengenai keperluan untuk institusi kewangan meletakkan diri mereka, di tengah-tengah komuniti global, yang ingin membina sistem kewangan yang lebih mampan.

"Kini terdapat kesedaran yang semakin meningkat, bahawa bank dan institusi kewangan boleh memainkan peranan dalam mempromosikan amalan sihat yang memberi manfaat, bukan

sahaja kepada syarikat, tetapi juga masyarakat. Memandangkan kebimbangan terhadap perubahan iklim semakin meluas, penggunaan sumber yang bertanggungjawab dan kemampuan menjadi metrik utama dalam menilai syarikat moden," tambah beliau.

Beliau juga menyentuh mengenai sokongan BIBD kepada negara sebagai Rakan Dalam Kemajuan, juga Rangka Kerja Kemampuan Bank yang diharap dapat memimpin ke arah masa depan yang lebih saksama dan mampan, bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam, tetapi di ASEAN juga rantau Asia-Pasifik yang lebih luas.

BIBD kemudian menyerahkan peranan tuan rumah kepada Canada Bank, Kemboja untuk Mesyuarat Lembaga Eksekutif CAIBA tahun hadapan.



3 cara sesuai dipraktikkan oleh guru sepanjang pembelajaran di rumah

- **CETUSKAN pertanyaan.** - Guru mestilah memainkan peranan dengan mewujudkan sesuatu isu bagi menimbulkan tanda tanya pelajar. Perasaan ingin tahu yang menebal dalam diri akan mendorong mereka untuk bertanya.
- **MERAIKAN setiap soalan pelajar.** - Guru mestilah meraikan setiap soalan yang dikemukakan pelajar. Perhatian dan maklum balas guru terhadap soalan yang diajukan akan mencetuskan semangat mereka untuk bertanya. Melalui soalan yang diterima, guru mestilah menyambut pertanyaan itu dengan melakukan perbincangan bagi merungkai jawapan.
- **PAPARKAN secara visual apa yang diajar.** - Soalan kebiasaannya akan tercetus mengikut apa yang dilihat pada ketika itu. Oleh itu, apa yang dipaparkan oleh guru dalam bentuk visual akan menarik minat pelajar terhadap sesuatu topik. Paparan imej yang diperhatikan pelajar semasa guru mengajar akan menghubungkan sel otak pelajar untuk mencipta soalan.





**JABATAN PENERBANGAN
AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

JPA / RKN / 1107-011

Tajuk Tawaran :
Peningkatan Peralatan
Pemeriksaan dan Sistem
Pengawasan Keselamatan
Di Lapangan Terbang
Antarabangsa Brunei

Tarikh Terakhir Mengambil



Dokumen Tawaran :
Isnin, 3 Januari 2022,
(tidak lewat 2.00 Petang).

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 4 Januari 2022,
(tidak lewat 2.00 Petang).



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Pemberitahuan Tawaran
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi

Rujukan Tawaran :
KP(MC)SUT / 6.12 / ASSET / 03 /
2021-2022

Sebut Harga bagi :
TO REPLACE, SUPPLY
AND INSTALL DOOR
HINGES AND LOCK SET AT



LEVEL 5 AND 6 AT THE
MINISTRY OF TRANSPORT AND
INFOCOMMUNICATIONS
BUILDING

Tarikh Tutup :
Rabu, 10 November 2021



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
Di Dalam Kelas :
IV & V SAHAJA

Kategori :
KA01

Bilangan :
JKR / DOR / SRC 18 / 2021

Nama Projek :
KERJA-KERJA MENYEDIAKAN
KEMUDAHAN ASAS BAGI
TAPAK KG NEGALANG ERING,
MUKIM BATU APOI (FASA1) -
PEMBINAAN JALAN AKSES
DAN PEMBEKALAN AIR
BERSIH.



Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Tidak lewat Selasa,
23 November 2021,
jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran Pada :
Tidak lewat Selasa,
30 November 2021,
jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :

IV & V SAHAJA

Kategori :

[KA01 - KOD BAHARU]

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 14 / CQS / 2021-T/V

Nama Projek :
PEMBINAAN TUGU DI PUSING
KELILING MUKIM LABU,
TEMBURONG



Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
16 November 2021 (Selasa).

Tarikh Tutup Tawaran Pada :
7 Disember 2021 (Selasa),
Tidak lewat dari jam
2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

FIVE (5) YEARS TERM
CONTRACT FOR THE
FACILITIES MANAGEMENT AND
MAINTENANCE

1. Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 69 / 2021 / 2022
[JPPE-NOV-2021]

Keterangan :
FIVE (5) YEARS TERM
CONTRACT FOR THE
FACILITIES MANAGEMENT AND
MAINTENANCE OF PRIMARY,
SECONDARY SCHOOLS AND
SIXTH FORM CENTRE AND
OFFICES IN BRUNEI MUARA
DISTRICT 3 AND TEMBURONG
DISTRICT, MINISTRY OF
EDUCATION, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

2. Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 70 / 2021 / 2022
[JPPE-NOV-2021]

Keterangan :
FIVE (5) YEARS TERM
CONTRACT FOR THE
FACILITIES MANAGEMENT
AND MAINTENANCE OF PRI-
MARY, SECONDARY SCHOOLS
AND

SIXTH FORM CENTRE AND
OFFICES IN BRUNEI MUARA
DISTRICT 2, MINISTRY OF
EDUCATION, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

3. Bilangan Sebut Harga :
MOE / LTK / 71 / 2021 / 2022
[JPPE-NOV-2021]

Keterangan :
FIVE (5) YEARS TERM
CONTRACT FOR THE
FACILITIES MANAGEMENT
AND MAINTENANCE OF PRI-
MARY, SECONDARY SCHOOLS
AND
SIXTH FORM CENTRE AND



OFFICES IN BRUNEI MUARA
DISTRICT 1, MINISTRY OF
EDUCATION, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

**Bayaran Yuran /
Dokumen Sebut Harga :**
BND2,000.00
[Bayaran Sebut Harga
Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :
Selasa, 4 Januari 2022
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

TAWARAN IKLAN
SEBUT HARGA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
(89) JBS / ADM / QC / 2021

Tajuk Tawaran :
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR PASIR LAUT
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR PASIR - TOP
RESSING MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR TOP SOIL -
TANAH WARNA HITAM.

Bilangan Tawaran :
(90) JBS / ADM / QC / 2021

Tajuk Tawaran :
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
1. GETAH BELTING PENGARIS
PADANG SAIZ 2 INCH.
2. GETAH BELTING PENGARIS
PADANG SAIZ 4 INCH.

Bilangan Tawaran :
(91) JBS / ADM / QC / 2021

Tajuk Tawaran :
TO REPAIR AND INSTALL NEW
FILTER TANK C/W ACTIVATED
FILTER MEDIA (AFM) FOR
WARMUP POOL, NATIONAL
SWIMMING POOL, KOMPLEKS
SUKAN NEGARA HASSANAL
BOLKIAH.

Bilangan Tawaran :
(92) JBS / ADM / QC / 2021

Tajuk Tawaran :
REPAIR WORK TO REPLACE
EXISTING CIRCULATION
PUMPS AT COMPLETION



POOL AND DIVING POOL,
NATIONAL SWIMMING POOL,
KOMPLEKS SUKAN NEGARA
HASSANAL BOLKIAH.

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 16 November 2021 /
11 Rabiulakhir 1443,
tidak lewat jam 9.00 Pagi.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :

II & III SAHAJA

Kategori :
KA01, MO3 SAHAJA -
(KOD BAHARU)

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB 013 / 2021
[RETENDER]

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL
BAGI OPERASI DAN
PENYELENGGARAAN STESEN
PAM SALIRAN DI JALAN
MAULANA OUTFALL
2,3,4,5 & 8 KUALA BELAIT
BAGI TEMPOH 18 BULAN
[RETENDER]

No. Projek :
2021ADKB / B00411 /
002-003-005

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Tarikh Tutup :
30 November 2021
(Selasa) Dilanjutkan
kepada 7 Disember 2021,
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :

III & IV SAHAJA

Kategori :
KA01 SAHAJA -
(KOD BAHARU)

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB 020 / 2021

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL OPERASI
DAN MENYELENGGARA LOJI
RAWATAN AIR SERIA DAN
STESAN PAM AIR
MENTAH
BADAS PERINGKAT
4 DI DAERAH BELAIT
UNTUK 36 BULAN.

No. Projek :
2021ADKB/B00411/002-002-05

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :



30 November 2021
(Selasa)
Dilanjutkan
kepada 7 Disember 2021,
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang.



JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER- SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-

SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Tawaran :
JPH / 001 / TAW / 354 /
2021-2022
Penghijauan di Kawasan 'B'
Hutan Simpan Berakas

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
9 November 2021,
2.00 Petang.



MECHANICAL VENTILATION SYSTEM

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Isnin,
20 Disember 2021,
jam 2.00 Petang.

NOTIS TAWARAN

Bilangan :
HMSF / TDR / 01 / 2021

FOR SERVICE LEVEL
MAINTENANCE CONTRACT
AND RELATED WORKS
(PACKAGE D) FOR HIS
MAJESTY THE SULTAN'S
FLIGHT HANGAR 1 &
HANGAR 2 AIR CONDITIONING
AND



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bil. Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / 16 /
2021-2022

Keterangan :
Mencetak Ulang, Membekal Dan
Menghantar Buku-Buku Teks
Persekolahan Ugama Darjah IV
Hingga VI, Bagi Sesi
Pembelajaran Tahun 2022,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1443H-1444H /
2021M-2022M

Bil. Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / 17 /
2021-2022

Keterangan :
Membekal Dan Menghantar
COVID-19 Antigen Rapid Test
Bagi Persekolahan



Arab Dan Ugama,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1443H-1444H /
2021M-2022M-2022M

Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup
Tidak Lewat Pada :
Rabu,
19 Rabiulakhir 1443H /
24 November 2021M,
tidak lewat jam
12.00 Tengah Hari.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA PROGRAM HARAPAN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 109 / 2021 / 2022
[BPPA-OKT-2021]

Keterangan :
SEBUT HARGA MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR JAMUAN
HARIAN SARAPAN PAGI
SECARA TAPAU BAGI :
SEKOLAH RENDAH SEMABAT,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH TEMBURONG.
KOD BLOK : PH/S7
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 110 / 2021 / 2022
[BPPA-OKT-2021]

Keterangan :
SEBUT HARGA MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR



KEPERLUAN-KEPERLUAN
PEMAKANAN (MAKAN
TENGAH HARI) BAGI :
SEKOLAH RENDAH
MERANGKING,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BELAIT.
KOD BLOK : PH/T3
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Sebut Harga :
BND5.00
[Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :
Sabtu, 13 November 2021
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER- SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
JPI / 2 / 2021

Tajuk :
PROPOSED DESIGN AND
BUILD INFRASTRUCTURE
FACILITIES TO SUPPLY
SEAWATER INTAKE AT LOT
14179 SERASA, BRUNEI
MUARA DISTRICT,
DEPARTMENT OF FISHERIES

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa, 16 November 2021,
jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BAHAGIAN BANGUNAN
DAN PEMELIHARAAN
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bil. Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 169 / 2021

Tajuk :
TERM CONTRACT
FOR
ELECTRICAL MAINTENANCE
AND EMERGENCY WORKS
FOR MINISTRY OF RELIGIOUS
AFFAIRS BUILDINGS FOR A
PERIOD OF SIX (6) MONTHS.

Yuran :
BND5.00
(Dikenakan Bayaran)

Tarikh Tutup :
Rabu, 24 November 2021,
jam 12.00 Tengah Hari.



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA

JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / KOP / 056 / 2021

Tajuk Tawaran :
SUPPLY AND DELIVERY OF 25
MM/4C PVC/SWA/PVC LV
CABLE

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / KOP / 057 / 2021

Tajuk Tawaran :
SUPPLY AND DELIVERY
OF 185 SQ MM/2/4C XLPE LV
CABLE

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / KOP / 058 / 2021

Tajuk Tawaran :
SUPPLY AND DELIVERY OF 70
SQ MM/4C XLPE/SWA/PVC LV
CABLE

Yuran Tawaran :



BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / KOP / 059 / 2021

Tajuk Tawaran :
SUPPLY AND DELIVERY OF
240 SQ MM/4C XLPE LV CABLE

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / KOP / 060 / 2021

Tajuk Tawaran :
SUPPLY AND DELIVERY OF
150MM2/4C +25 SQMM ABC LV
CABLE

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Kelayakan :
Pembekal yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan bagi KATEGORI
P05

Tarikh Tutup :
Selasa, 23 November 2021.
(Jam 2.00 Petang).

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2)
minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca juga menggunakan Microsoft
Word dengan Font ARIAL saiz 12.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan
apa-apa keperluan iklan berkenaan,
seperti tarikh dijangka terbit,
kekerapan terbitan untuk diiklankan
dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pbeinformation.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 8622969


SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

Dilengkapi 2 dos vaksin, terhindar gejala teruk

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan



DAYANG Hajah Najibah binti Awang Usin, 34 tahun, ketika ditemu bual bersama pengamal media tempatan secara maya melalui aplikasi WhatsApp, baru-baru ini.

timbul perasaan bercampur baur di dalam diri beliau dengan memikirkan di manakah puncanya; siapakah pembawanya; dan adakah dirinya yang sebenarnya menjadi pembawa penyakit virus yang ditakuti ini.

Dengan hati yang berat, Dayang Hajah Najibah juga bimbang memikirkan cara untuk menyampaikan berita duka itu, ditambah lagi dengan kerisauan yang belum ada penghubungnya memikirkan anak dan seluruh ahli keluarga yang berada di rumah.


Sambil berdoa dan bermunajat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, beliau mengharapkan tidak ada kejadian yang memudaratkan bakal akan terjadi.

"Alhamdulillah, hati sedikit lega apabila mengetahui keputusan seluruh ahli keluarga adalah negatif," katanya. Sejurus selepas menerima keputusan, beliau terus dipindahkan ke Pusat Pengasingan Kebangsaan (NIC), Tutong untuk diasingkan dan demi menjaga keselamatan diri dan orang lain.

Pada 30 September 2021, dengan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala, Dayang Hajah Najibah telah selamat melahirkan seorang cahaya mata lelaki secara pembedahan yang berjalan dengan lancar dan telah dipermudahkan.

Kedua-dua ibu dan anak damit

MASYARAKAT DISARAN JAYAKAN OPERASI PULIH



ADAPUN Operasi Pulih ini dikuatkuasakan adalah bagi memastikan orang ramai akur dan patuh akan arahan pihak kerajaan dalam memutuskan rangkaian wabak COVID-19 (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 November. - Pandemik wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah mengheret penduduk global kepada fenomena baharu meliputi kesan meluas terhadap pengaruh sistem kesihatan, pergerakan sosial, persekitaran, budaya serta ekonomi.

Aspek pematuhan dalam skala holistik juga merupakan tunjang utama dalam proses pengawalan serta sebagai tindak balas yang mampan dalam menurunkan kadar penularan dalam kalangan lapisan masyarakat.

Sepertimana strategi yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam menguatkuasakan Operasi Pulih yang telah menjangkau langkah-langkah kawalan pergerakan serta pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang memberikan impak berkesan dan dihasratkan akan membuahkan hasil yang bermanfaat bagi menuju ke fasa kelucutan pandemik.

Hasil terkini yang dicatatkan semalam melalui Operasi Pulih yang dikendalikan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB)

bersama agensi penguat kuasa yang berkaitan mendapati tiga pelanggaran kesalahan, iaitu satu kesalahan dilaporkan di Daerah Brunei dan Muara; dan dua kesalahan dilaporkan di Daerah Belait.

Penugasan yang dijalankan melalui operasi pulih ini akan diperkemas lagi, termasuk meneliti aspek-aspek kebaikan, kejayaan dan kelemahan bagi memastikan penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam akur dan patuh akan arahan pihak kerajaan dalam memutuskan rangkaian wabak COVID-19 ditangani dengan sebaiknya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Resah gelisah, bercelaru dan takut adalah antara perasaan yang dihadapi dan dialami oleh pesakit yang telah dijangkiti wabak COVID-19.

Menurut salah seorang pesakit yang positif COVID-19 baru-baru ini iaitu Dayang Hajah Najibah binti Awang Usin, 34 tahun, ketika ditemu bual Pelita Brunei secara maya melalui aplikasi WhatsApp baru-baru ini, beliau disahkan positif COVID-19 selepas menjalani Uji Swab pada 29 September meskipun pada hari sebelumnya telah mendapat ujian negatif melalui Uji Swab menggunakan Antigen Rapid Test Kit semasa di dalam wad sebelum bersalin.

Menurutnya, setelah mengetahui keputusan Uji Swab adalah positif,

tersebut berada dalam keadaan yang baik dan sihat walafiat. Menceritakan pengalaman beliau di pusat pengasingan berkenaan, beliau melahirkan rasa syukur kerana kedua-dua ibu dan anak damitnya dijaga serta dilayan dengan baik sekali.

Tambahnya, makan dan minum juga diberikan serta semua kemudahan ada disediakan untuk keselesaan pesakit. Dayang Hajah Najibah turut mengongsikan tidak mengalami gejala sepanjang dijangkiti virus COVID-19 memandangkan beliau telah menerima dua dos suntikan vaksin Moderna, iaitu pada 24 Ogos bagi suntikan pertama dan pada 22 September bagi suntikan kedua.

"Nasihat saya ialah sentiasa mematuhi semua peraturan dan saranan pihak kerajaan. Kesihatan adalah harta yang paling berharga pada masa ini demi menjaga keselamatan diri; seluruh ahli

keluarga; dan orang awam.

"Dapatkan vaksin secepat mungkin; *teranah tah* di rumah; kerap mencuci tangan; dan menjaga kebersihan diri. Benteng diri dengan perisai yang paling

kuat pada siang dan malam, iaitu dengan memohon penjagaan dan perlindungan buat diri serta ahli keluarga kepada Sang Pencipta," tambahnya lagi ketika mengakhiri temu bual tersebut.



ALAI PINTAR 065

SOALAN 3 NOVEMBER 2021, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Walaupun hidupnya senang sekarang, dia tidak lupa hidupnya yang _____ dahulu. Berikan kata berlawanan bagi senang.
 - setuju
 - besar
 - susah
- Ada berapa Daerah di Negara Brunei Darussalam?
 - 4 Daerah
 - 5 Daerah
 - 6 Daerah
- $BND10 + BND15 + BND30 = \text{_____}$. Nyatakan jumlah wang tersebut.
 - BND100
 - BND55
 - BND25

TARIKH TUTUP : 14 NOVEMBER 2021

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI BND38.00

PEMENANG ALAI PINTAR 064 :

Nama : Hana Aqeelah Faqeehah Binti Azman
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0108464-01. Sekolah : Sekolah Rendah Beribi Telanai

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 064

- b) Daerah Temburong
- b) Ratus
- a) 1 gram

BORANG PENYATA CUKAI PENDAPATAN AKAN MULA DIGUNAKAN

■ **Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Selaras dengan langkah penambahbaikan sistem percukaian STARS yang akan dialihkan ke One Common Portal (OCP), Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) sukacita memaklumkan bahawa penelitian semula telah pun dilaksanakan ke atas Penyata Cukai Pendapatan yang pada masa ini digunakan oleh syarikat-syarikat bagi pemfailan cukai pendapatan secara tahunan.

Dalam pada itu, Bahagian Hasil sukacita memperkenalkan Borang Penyata Cukai Pendapatan yang baharu yang akan mula digunakan bagi pemfailan cukai pendapatan mulai Tahun Taksiran 2022 melalui OCP.

Bahagian Hasil seterusnya ingin memaklumkan mengenai pengenalan keperluan bagi syarikat-syarikat untuk menghadapi *general ledger* dan *tax schedules* (yang berkenaan) mulai Tahun Taksiran 2022.

Bagi membolehkan syarikat-syarikat membiasakan diri dengan keperluan baharu ini, penangguhan masa (*grace period*) selama enam bulan akan diberikan, iaitu sehingga 31 Disember setiap tahun taksiran untuk dua tahun taksiran berturut-turut sahaja (Tahun Taksiran 2022 dan 2023).

Pengenalan keperluan ini adalah bertujuan untuk memastikan syarikat-syarikat menyimpan rekod perakaunan mereka dan membantu dalam pengumpulan data untuk kegunaan pada masa akan datang.

Orang ramai bolehlah mendapatkan templat *tax schedules* tersebut melalui laman sesawang www.ocp.mofe.gov.bn atau www.mofe.gov.bn.

Untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut, hubungi Bahagian Hasil, sama ada melalui e-mel di revenue@mofe.gov.bn atau melalui telefon menerusi talian +673 2383933 atau +673 2380651.

■ **BORANG** Penyata Cukai Pendapatan yang baharu yang akan mula digunakan bagi pemfailan cukai pendapatan mulai Tahun Taksiran 2022 melalui One Common Portal.

■ **PENGENALAN** keperluan bagi syarikat-syarikat untuk menghadapi *general ledger* dan *tax schedules* (yang berkenaan) mulai Tahun Taksiran 2022.

■ **PENANGGUHAN** masa (*grace period*) selama enam bulan akan diberikan, iaitu sehingga 31 Disember setiap tahun taksiran untuk dua tahun taksiran berturut-turut sahaja (Tahun Taksiran 2022 dan 2023).

Dapatkan suntikan dos pertama vaksin awda secara *walk-in*

■ **Oleh : Noraisah Haji Muhammed**

KUALA BELAIT, Isnin, 1 November. - Kementerian Kesihatan membukakan pemberian suntikan dos pertama vaksin COVID-19 secara *walk-in*, bermula Selasa, 26 Oktober 2021, di kesemua Pusat Vaksinasi bagi semua rakyat dan penduduk, di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, individu yang ingin mendapatkan suntikan vaksinasi COVID-19, hendaklah membawa Kad Pengenalan (IC) atau pasport; membawa Kad Bru-HIMS (jika ada); pen; payung sendiri; juga air yang mencukupi.

Selain itu, awda juga perlu memakai sungkup muka pada setiap masa; memastikan penjarakan fizikal sepanjang masa; dan hendaklah mematuhi semua arahan yang diberikan oleh petugas-petugas, di Pusat Vaksinasi yang dikunjungi.



كَمَنْتَرِين كَسِيحَاتِن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**BINCANG MASALAH AWDA DENGAN
SESEORANG YANG AWDA PERCAYAI**

Semasa pandemik ini, tidak mengapa jika awda merasa sedih, risau, takut, gelisah, atau marah. Bawa berbincang dengan seseorang yang awda percayai untuk meminta sokongan

Hello, Raya...
ni anak mu di sini ah
ngalish ku menjaga.



uwieaw...!!



Nah! pasal tikus
banyak di KB kali ni...?

ELAKKAN BERITA PALSU

Perlu diingatkan bahawa tidak semua awda dengar mengenai virus itu boleh dipercayai. Ikuti perkembangan terkini dan bergantunglah pada sumber yang boleh dipercayai, seperti dari Kementerian Kesihatan atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)



manugung bermaksud berlonggok atau bertimbun tentang barang, pakaian, dan lain-lain.
Contoh pemakaian kata: sabatah panyakit Covid-19 ani, kanak-kanakku taranah di rumah, iatah banyak cuik mangkuk tu **manugung** di pagung ah.

malamakan ialah bahasa kiasan bermaksud memakai pakaian yang biasanya pakaian baru untuk dijadikan pakaian sehari-hari.

Contoh pemakaian kata: Si Limah **malamakan** baju gamis yang udah balik-balik dipakainya atu jadi baju tidurnya.

pabarahan bermaksud tempat bara api untuk membakar kemenyan.

Contoh pemakaian kata: karang ani payah kan baluriah **pabarahan** tambaga.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



Kampung Kota Batu



Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

Sup Tulang

BAHAN-BAHANNYA:


- 1 kilogram tulang daging kerbau
- 2 sudu besar serbuk rempah sup
- 3 inci halia (dihiris halus)
- 5 ulas bawang merah (dikisar halus)
- 2 ulas bawang putih (dikisar halus)

CARA-CARA MEMBUATNYA:

- 2 tangkai daun sup (untuk hiasan)
- 3 batang serai (diketuk)
- Garam secukup rasa
- Secubit ajinomoto
- Bawang merah dan bawang putih ditumis hingga naik bau.

Selepas itu masukkan hirisan halia dan baharulah masukkan serbuk rempah sup, tumis hingga pecah minyak dan masukkan tulang daging kerbau, gaul hingga sehati dan masukkan air secukupnya. Selepas itu masukkan garam dan ajinomoto secukupnya.

MEMBANGUN KEMAHIRAN KEPIMPINAN BELIA



Siaran Akhbar dan Foto : Young Professionals Network

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Seramai 156 orang peserta menghadiri 7th Edition of Leadership Circle: 'Managing Up' with Faiq Rani, anjuran Young Professionals Network (YPN) Brunei dan disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Perbincangan itu adalah sebahagian daripada inisiatif organisasi yang dikenali

Leadership Circle yang bertindak sebagai platform untuk mengumpulkan pemimpin pemikiran, individu dalam peranan kepimpinan dan mereka yang berada dalam jawatan pengurusan untuk membincangkan secara kolektif pandangan, kekecewaan dan amalan terbaik dalam kepimpinan.

Inisiatif ini juga mengalu-alukan pemimpin pemikiran, individu

dalam peranan kepimpinan dan belia yang berminat untuk membangunkan kemahiran kepimpinan yang lebih kukuh melalui perbincangan maya yang membina.

Mentor bagi sesi 'Managing Up' ialah Pegawai Tadbir, Gred 1 di KKBS, Faiq Rani. Sesi ini meneroka unsur-unsur untuk memupuk komunikasi yang berkesan, kerjasama, perkongsian dan persefahaman antara orang bawahan dan pemimpin pada

PARA peserta yang menghadiri 7th Edition of Leadership Circle: 'Managing Up' with Faiq Rani, anjuran Young Professionals Network (YPN) Brunei dan disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

tahap autoriti yang berbeza, kepelbagaian dalam perspektif dan kemahiran.

Ia juga bertujuan untuk membangun dan mengekalkan hubungan yang sihat dan saling menguntungkan dengan pihak atasan untuk membina produktiviti dan persekitaran kerja yang positif dan untuk lebih selesa menguruskan konflik.

Pada sesi pertama, Faiq Rani berkongsi persembahan slaid untuk membincangkan cara pengurusan diri. Nilai kepimpinannya sangat tertumpu kepada disiplin diri dan kredibiliti.

Faiq Rani juga membangkitkan perbincangan tentang mengawal apabila bertindak balas terhadap situasi, memfokuskan pada apa yang perlu dilakukan dan bukannya apa yang perlu dilakukan, menumpukan pada pelaksanaan dan bukannya kredit, menyediakan diri menghadapi kesusahan dalam hidup dan kembali ke lapangan selepas menghadapi kesukaran.

Sesi itu menyaksikan beberapa perbincangan bermula daripada peranan sebagai kepimpinan

sehinggalah mengikut pemimpin. Para peserta mengemukakan beberapa soalan tentang cara untuk memotivasikan orang yang mereka pimpin; cara mengurus konflik dan dilema sebagai pemimpin; dan cara untuk membangkitkan isu secara berkesan kepada seorang pemimpin.

Selain itu, terdapat juga perbincangan mengenai pengurusan nilai dan kepercayaan yang bercanggah antara pemimpin dan pengikut; menguruskan jurang antara generasi dalam komunikasi antara pemimpin dan pengikut; peranan pemimpin dalam memperkasakan wanita; dan cara untuk menyokong industri khusus seperti sukan.

"YPN ialah platform komuniti yang bertujuan untuk mempromosi dan memperkasakan golongan belia kita melalui rangkaian, dialog, bimbingan dan advokasi. Kami berhasrat untuk sentiasa mencabar para belia kita supaya berani mengambil bahagian dan tampil ke hadapan untuk menerajui pembangunan dan melalui Leadership Circle, kami mahu menyokong belia kami dengan melengkapkan diri mereka untuk membina minda dan kemahiran yang betul dengan memahami tanggungjawab kepimpinan," kata Fatin Arifin selaku Pengasas Bersama YPN Brunei.

Acara itu juga disiarkan secara langsung dan disimpan dalam highlight @YPNBrunei di Instagram dan ia boleh ditonton pada bila-bila masa.

Penyertaan Diskusi Komik dibukakan hingga 20 November



Oleh : Khartini Hamir

Infografik : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perancangan Buku, buat julung kalinya, akan

mengadakan Diskusi Komik sempena Bulan Bahasa 2021, yang akan diadakan secara maya, pada Sabtu, 4 Disember 2021 nanti, bermula 8.15 pagi hingga

12.00 tengah hari.

Seramai lima panel tempatan akan diundang, terdiri daripada para penggiat komik terkenal (kartunis mapan dan kartunis belia), di negara ini, iaitu Dr. Malai Yunus bin Malai Yusof (Noh); Rahim bin Jahit (Cuboi); Md. Khairul bin Haji Kamis (Ngatun); Mohammad Azizul bin Haji Salam (Aizuru); dan Mohammad Rezuan bin Haji Jamaeh (Pelukis DBP).

Komik merupakan salah sebuah bahan terbitan jabatan juga dijadikan sebagai bacaan tambahan bagi pembaca kanak-kanak; dan Diskusi komik ini dilaksanakan sebagai satu medan pertemuan penggiat komik negara ini, bergembelng tenaga dalam melahirkan pemikiran yang lebih kreatif juga kesinambungan dari taklimat Sesi Dialog Bersama Pelukis Kartun dan Komik, yang diadakan pada 6 Disember 2010 lalu.

Antara objektif diskusi tersebut diadakan, bagi mendukung misi dan visi jabatan dalam mendaulatkan kebudayaan juga bahasa Melayu, selain dapat menjadi medan pertemuan penggiat komik untuk bertukar-tukar fikiran, berkongsi pengalaman, dan mengemukakan usul juga cadangan, demi mengembangkan penerbitan komik berkualiti.

Di samping itu, ia juga bagi mendukung semangat penggiat komik untuk terus berkarya; dan meneliti perkembangan idea / karya penggiat komik tempatan yang ada.

DBP merupakan sebuah agensi kerajaan, yang berperanan mengangkat martabat dan memperkasa bahasa Melayu, di mana melalui pelbagai usaha, seperti forum, bengkel,

pertemuan, diskusi, seminar juga peraduan giat dilaksanakan.

Sebarang hebahan lanjut mengenai diskusi berkenaan akan dimaklumkan melalui laman sosial rasmi DBP, iaitu Instagram @dbpbrunei dan Facebook, *Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei*.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai diskusi berkenaan, bolehlah mendaftar sekarang, dengan memuat turun

dan melengkapkan Borang Penyertaan Diskusi Komik (melalui kaedah Google Form), dengan mengimbas Kod QR yang disediakan, pada poster makluman.

Tarikh tutup penyertaan, pada Sabtu, 20 November 2021.

Untuk sebarang keterangan lanjut, bolehlah menghubungi Bahagian Perancangan Buku, menerusi talian +673 2383511 sambungan 179.

■ **SERAMAI** lima panel tempatan akan diundang, terdiri daripada para penggiat komik terkenal (kartunis mapan dan kartunis belia), di negara ini, iaitu Dr. Malai Yunus bin Malai Yusof (Noh); Rahim bin Jahit (Cuboi); Md. Khairul bin Haji Kamis (Ngatun); Mohammad Azizul bin Haji Salam (Aizuru); dan Mohammad Rezuan bin Haji Jamaeh (Pelukis DBP).

■ **ANTARA** objektif Diskusi Komik diadakan, bagi mendukung misi dan visi jabatan dalam mendaulatkan kebudayaan juga bahasa Melayu, selain menjadi medan pertemuan para penggiat komik untuk bertukar-tukar fikiran, berkongsi pengalaman, dan mengemukakan usul juga cadangan, demi mengembangkan penerbitan komik berkualiti.

■ **IA** juga bagi mendukung semangat penggiat komik untuk terus berkarya; dan meneliti perkembangan idea / karya penggiat komik tempatan yang ada.





PEMANGKU Pengarah Al-Minhaaj Centre dan Tenaga Pengajar, Dayang Nasriah binti Ruslan ketika ditemu bual melalui WhatsApp.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Tahun 2021 sudah hampir ke penghujungnya, di mana ketika ini, para pelajar ada yang masih sibuk belajar secara dalam talian bagi memastikan semua modul pelajaran dihabiskan sebelum tiba cuti penggal akhir tahun nanti.

Walaupun tahun ini agak berlainan, tiada peperiksaan

NIATKAN BELAJAR SEBAGAI IBADAH KERANA ALLAH

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Al-Minhaaj Centre

dijalankan, tetapi segala tugas harian akan diambil kira untuk memastikan para pelajar ini mendapat penilaian markah keseluruhan yang baik.

Pemangku Pengarah Al-Minhaaj Centre dan Tenaga Pengajar, Dayang Nasriah binti Ruslan, ketika ditemu bual melalui WhatsApp menjelaskan, beberapa cara boleh membantu bagi para pelajar untuk meningkatkan motivasi diri.

Menurutnya, setiap pagi sebelum memulakan pembelajaran, niatkan belajar sebagai satu ibadah kepada Allah kerana ibadah bukan setakat yang ada tersenarai dalam Rukun Islam, tetapi ia begitu luas.

"Walaupun mata pelajaran yang dipelajari itu tiada berkaitan dengan agama, tetapi ia tetap boleh dikira

sebagai ibadah jika disertakan dengan niat.

"Fasa menjadi pelajar ini, barangkali memang terasa sukar bagi para pelajar kerana semakin meningkat tahap pembelajaran, semakin banyak cabarannya.

"Dan ketahuilah jua, fasa ini, antara lain banyak membentuk peribadi diri kita, di masa akan datang. Lagi awal kita kukuhkan asas peribadi adalah lebih baik dan memanfaatkan fasa yang ada ini," jelasnya.

Dalam sibuk menjadi pelajar, kita juga perlu menunaikan tanggungjawab sebagai anak kerana menjadi pelajar bukan tiket untuk mengelak daripada menjalankan tanggungjawab sebagai anak.

Katanya, layanlah ibu bapa sebaiknya kerana mungkin

pembelajaran secara dalam talian ini membuatkan kita *teranah* di rumah dan ibu bapa ada masanya lenguh melihat anak-anak berada di depan komputer atau menghadap telefon bimbit sepanjang masa hingga boleh mendatangkan kemarahan.

"Jelaskan kepada mereka dengan baik, bahawa kelas diadakan secara dalam talian jadi, masa lebih banyak berada di depan *gadget*.

"Jika tiada kelas, boleh proaktif dengan membantu ibu bapa melakukan kerja-kerja rumah dan ambil peluang untuk meluangkan masa bersama mereka," ujarnya.

Sementara bagi para wanita, terutama ibu yang bekerja dari rumah ketika ini, bolehlah berniat semasa bangun pagi, di mana apa yang akan dilakukan, pada hari itu sebagai ibadah dan memohon kepada Allah untuk menjauhkan diri daripada rasa marah kepada anak-anak.

Dayang Nasriah, seterusnya menekankan, sekiranya timbul rasa kurang selesa dan ingin marah, bawa diri untuk melakukan sembahyang sunat, selain meminta pertolongan dalam melakukan kerja-kerja rumah daripada suami dan anak-anak.

Apa yang paling penting ialah cari sedikit masa untuk diri sendiri dengan melakukan apa yang disukai dan amalkan membaca zikir untuk mengurangkan kepenatan mengurus rumah tangga sebelum tidur, iaitu tasbeih *Subhanallah* 33 kali; tahmid *Alhamdulillah* 33 kali; dan takbir *Allahuakbar* 34 kali.

"Akhir sekali, jika tip ini dapat membantu, segala puji dipanjatkan kepada Allah. Jika tidak, didoakan semoga lekas Allah membukakan jalan untuk *biskita*, melimpahkan kesejahteraan dan ketenangan untuk mengurus diri dan keluarga, pada masa pandemik ini dan akan datang jua. *Allahu Ta'ala A'lam*," tambahnya.

Sertai Pertandingan Khat Secara Digital sempena Sambutan Maulidur Rasul

Syarat Penyertaan :

1. Terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. **(Pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini).**
2. Peserta boleh menggunakan salah satu jenis tulisan khat yang masyhur seperti **Nasakh, Thuluth biasa/jaly, Kufi, Riq'ah, Farisi, Diwani biasa/jaly secara digital. Tulisan tangan adalah menjadi satu kelebihan.**
3. Warna dan ukuran tulisan yang akan digunakan adalah bebas.
4. Karya tulisan dan latar belakang hendaklah tidak menyalahi hukum syara' seperti berbentuk orang, binatang dan seumpamanya.
5. Karya yang dihasilkan hendaklah asli. Pihak penganjur berhak untuk menolak jika didapati karya tersebut adalah milik orang lain.
6. Pihak penganjur berhak untuk mencetak setiap karya yang dihantar dan karya yang dihantar akan menjadi hak milik mutlak penganjur.
7. Hendaklah berbentuk poster dan ukuran kanvas ialah 1000 x 1000 megapixel.
8. 10 karya terbaik akan dimuatnaik ke dalam Instagram rasmi Pusat Da'wah Islamiah. **Jumlah markah undian 'like' daripada orang ramai akan diambil sebanyak 20% dan markah daripada hakim adalah sebanyak 80%. Keputusan hakim adalah muktamad.**
9. Hanya **SATU** penyertaan sahaja dibenarkan bagi setiap peserta.
10. Nama penuh, no kad pintar, alamat penuh dan no telefon bimbit hendaklah disertakan.
11. Setiap peserta hendaklah mempunyai akaun bank (Bank di Negara Brunei Darussalam).
12. Hantarkan karya awda melalui e-mel: **media.pdi@mora.gov.bn**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Infografik : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) mengalu-alukan

orang ramai, terutama sekali kepada mereka yang berminat dalam penulisan khat untuk ikut

serta Pertandingan Khat Secara Digital yang sedang dibukakan penyertaannya sehingga 6 November ini.

Pertandingan Khat Secara Digital ini adalah satu pertandingan

IBTE lanjutkan tarikh hadapkan dokumen kemasukan

Siaran Akhbar : Institut Pendidikan Teknikal Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) sukacita ingin memaklumkan bahawa bagi para pemohon yang menerima 'Tawaran Bersyarat' bahawa tarikh bagi menghadapkan dokumen secara dalam talian (*online*) untuk kemasukan Januari 2022 adalah dilanjutkan selama satu minggu, iaitu bermula dari 30 Oktober 2021 hingga 5 November 2021.

Sebarang pertanyaan dan segala dokumen yang disenaraikan di dalam surat permohonan bolehlah menghadapkannya melalui e-mel seperti berikut.

Bagi program HNTec in Automobile Technology; NTec in Light Vehicle Mechanic; ISQ in Marking & Fitting (Oil & Gas Industry); ISQ in Rigging (Oil & Gas Industry); dan ISQ in Scaffolding (Oil & Gas Industry) melalui MC.admission@ibte.edu.bn.

Sementara itu, bagi program NTec in Culinary Operations melalui SSRC.admission@ibte.edu.bn.

Manakala bagi program ISQ in Welding melalui JBC.admission@ibte.edu.bn; dan program ISQ in Welding melalui SBC.admission@ibte.edu.bn.

■ **DILANJUTKAN selama satu minggu, iaitu bermula dari 30 Oktober 2021 hingga 5 November 2021.**

yang baharu dan sebagai satu inovasi dari segi penulisan khat secara tradisional menjadi karya khat secara digital bersempena menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini.

Adapun setiap kali hari kebesaran Islam dan negara, PDI akan mengadakan Kuiz Apresiasi bagi sahabat-sahabat Facebook.

Objektif pertandingan antara lain untuk mencungkil bakat seni dan kreativiti orang awam dalam menghasilkan karya khat secara digital serta mendedahkan kepada orang awam pelbagai jenis tulisan seni khat.

Selain memperkasa penggunaan tulisan Jawi di negara ini, pertandingan tersebut diharap dapat menarik minat dan kecintaan orang ramai akan tulisan khat dan Jawi.

Pertandingan Khat Secara Digital tidak mempunyai kategori dan dibukakan kepada semua orang awam yang mempunyai kebolehan menulis khat secara tradisional atau secara komputer (digital).

Syarat-syarat adalah seperti yang dilampirkan dalam e-Poster pertandingan khat digital yang dimuat naik di Instagram [@pdi_kheu](https://www.instagram.com/pdi_kheu).

Seramai tiga orang pemenang akan dipilih dan hadiah-hadiah pemenang adalah berupa baucar bernilai BND50 dan cenderamata dari PDI.

Pihak penganjur berharap dengan adanya pertandingan tersebut juga akan menarik lebih ramai penggiat seni khat serta orang ramai dalam sama-sama memartabatkan tulisan Jawi sebagai khazanah negara yang telah diwarisi sejak sekian lama.

ISU KESIHATAN MENTAL PERLU DIAMBIL PERHATIAN SERIUS

■ Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Isu masalah kesihatan mental seharusnya diambil berat oleh semua pihak kerana ia boleh menjejaskan sesiapa sahaja tanpa mengira umur dan jantina.

Masyarakat perlu faham bahawa masalah kesihatan ini sama sahaja seperti penyakit-penyakit kronik lain, contohnya kanser dan sakit jantung.

Bezanya cuma, masalah kesihatan mental ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Namun ia tetap sejenis penyakit, terutama dalam keadaan pandemik yang masih belum kelihatan penghujungnya yang boleh menjadi faktor terjejasnya kesihatan mental seseorang, seperti kehilangan pekerjaan, terputus sumber rezeki, masalah keluarga di rumah dan masalah kewangan.

Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dikawal jika tindakan dapat dilakukan dengan segera.

Justeru itu, penting untuk seseorang yang mengalami atau merasakan dirinya mengalami masalah kesihatan mental untuk mendapatkan pertolongan daripada pihak profesional dengan segera.

Psikologis (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan, Dayang Fauziyyah Hanani binti Haji Abdul Manap semasa menyampaikan Ceramah Kesihatan dan Kesejahteraan Awam, khusus buat warga Jabatan Penerangan melalui aplikasi Zoom juga antara lain menyentuh impak dan kesan bekerja dari rumah kepada kesihatan atau kesejahteraan mental.

Dayang Fauziyyah turut mengongsikan tip untuk menjaga kesihatan atau kesejahteraan mental sewaktu bekerja dari rumah, termasuk mendapatkan perkhidmatan - perkhidmatan kesihatan mental yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Menurut beliau, wabak COVID-19 adalah sesuatu yang baharu yang memberikan tekanan kepada orang ramai disebabkan oleh ketidakpastian terhadap banyak aspek kehidupan, di samping perubahan mendadak dalam rutin seharian, selain cabaran dalam penjagaan anak memandangkan pusat Daycare ditutup.

"Banyak perkara baharu yang *kitani* alami. Fasa transisi / adaptasi memberikan tekanan kepada *kitani* untuk belajar menyesuaikan diri. Dalam proses belajar menyesuaikan diri dalam norma

PSIKOLOGIS (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan, Dayang Fauziyyah Hanani binti Haji Abdul Manap semasa menyampaikan Ceramah Kesihatan dan Kesejahteraan Awam, khusus buat warga Jabatan Penerangan melalui aplikasi Zoom.

baharu, setentunya kelajuan dan kapasiti setiap individu berlainan. Ia berhubung kait dengan peranan dalam kehidupan seseorang. Banyak lagi faktor *physio-socio-bio-spiritual* lain yang boleh mempengaruhi kesihatan seseorang kerana pekerjaan merupakan salah satu *stressor* dalam kehidupan bagi peringkat umur yang bekerja," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya menambah bahawa tekanan yang tinggi dalam jangka masa yang panjang boleh menjurus kepada masalah kesihatan mental.

Menyentuh mengenai cabaran bekerja dari rumah, beliau menjelaskan, antara faktornya ialah ruang rumah yang terhad atau tiada ruang yang sesuai untuk bekerja; alat peranti dan internet yang terhad; kemudahan yang kurang berbanding peralatan yang ada di pejabat, selain waktu bekerja yang semakin panjang.



Beliau turut mengongsikan tip penjagaan kesihatan mental, antaranya ialah memperbaiki hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala, selain membuat rancangan dan persiapan awal dengan bijak mengatur masa. Kaedah *brain dump* dapat membantu meleraikan kekusutan minda dan mencapai ketenangan.

Di samping itu, tetapkan satu zon atau ruang bekerja di rumah; hindari daripada membuat kerja di dalam bilik tidur, selain membuat teknik pernafasan dalam meditasi dan teknik relaksasi; mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif; selain turut meningkatkan kemahiran dan pengetahuan; serta mendapatkan sokongan daripada keluarga dan sahabat atau komuniti; dan berkongsi masalah dengan orang yang boleh dipercayai.

Individu yang terkesan boleh menghubungi Kementerian Kesihatan melalui khidmat psikologi di Clinical and Community Psychology Services dan Jabatan Psikiatri, Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan di perkhidmatan swasta seperti Clarity Sendirian Berhad (kaunselor / psikologis); Relate Counseling; dan Empowerior Sendirian Berhad.

Menjadi satu tanggungjawab bagi setiap individu untuk sama-sama memeduli isu kesihatan mental agar stigma terhadap mereka yang mengalaminya dapat dikurangkan.

Pada musim pandemik ini, marilah kita bersama-sama mengambil berat akan keadaan mereka di sekeliling dan saling membantu bagi yang memerlukan.



MINDA PEMBACA

Bersama tangani stigma kesihatan mental

ALLAH Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Al-Quran dalam Surah Asy-Syu'ara, ayat 80, "Dan apabila aku sakit, Dialah yang menyembuhkan aku". Tiadalah daya dan upaya kita sebagai hamba kepada Yang Maha Esa untuk menyembuhkan segala jenis penyakit.

Namun sebagai orang yang beriman, kita percaya bahawa segala jenis penyakit itu adalah ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala jua dan Dialah yang mengangkat segala penyakit tersebut. Manakala sebelum berserah diri, wajiblah kita untuk berusaha mencari ubat dan penawar bagi menyembuhkan penyakit yang ditimpa.

Saban hari, telah muncul

berbagai-bagai jenis penyakit yang baharu. Sebagai contoh, virus Ebola, penyakit Meningitis, virus H1N1 dan yang paling terkini ialah wabak COVID-19. Apabila penyakit-penyakit tersebut dihidapi oleh manusia, simptom-simptom jangkitan akan nampak secara fizikal lalu dibawa ke hospital untuk menjalani rawatan.

Adapun penyakit yang berkait dengan kesihatan mental sering kali dipandang sebelah mata oleh si penghidap dan orang yang berada di sekelilingnya. Simptom awal bagi penghidap yang mengalami masalah kesihatan mental adalah susah untuk dilihat secara fizikal.

Ini disebabkan masalah kesihatan

mental adalah penyakit dalaman dan tidak memberikan sebarang tanda-tanda zahir atau sebagainya. Ia juga masih dianggap sebagai stigma yang jarang dibincangkan oleh individu dan masyarakat.

Masalah kesihatan mental ini kadangkala disalahtafsirkan dengan tekanan emosi (stres), kegelisahan, kurang selera makan, kelesuan dan seumpamanya. Oleh itu, apabila mengalami masalah tersebut, adalah lebih baik untuk kita merujuk kepada yang lebih arif dan pakar dalam menangani isu ini.

Di dalam Al-Quran, Surah An-Nahl, ayat 43 kira-kira maksudnya, "Oleh itu, bertanyalah kepada orang-orang yang

mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui".

Alhamdulillah, negara kita Brunei Darussalam sudah cakna dalam menangani stigma kesihatan mental. Antara inisiatif kerajaan ialah mewujudkan satu talian yang dinamakan Talian Harapan 145 agar individu yang berasa mengalami gejala masalah kesihatan mental boleh merujuk kepada yang pakar dan meminta nasihat serta saranan baik untuk merawat masalah tersebut.

Nama : Muhammad Nur Naqiuddin bin Haji Rosman
No. K/P : 01-070694 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Rasulullah Contoh Teladan Pembentukan Keluarga'. Tarikh Tutup : 3 November 2021
2. 'Vaksin Penting Cegah Jangkitan Virus'. Tarikh Tutup : 10 November 2021
3. 'Pupuk Kreativiti Anak Sejak Dari Kecil'. Tarikh Tutup : 17 November 2021

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Menuju ke arah *herd immunity*

Oleh : Aida Hidayati Aidin
Foto : Jabatan Penerangan

SEBAGAI alternatif dan usaha untuk mengawal kadar penularan COVID-19, Kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) menggalakkan orang ramai untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 dengan segera bagi individu yang berkelayakan.

Memandangkan situasi kita pada masa ini, kita perlulah beradaptasi demi meneruskan dan menjalani kehidupan agar dapat bergerak melangkah ke hadapan walaupun dengan memenuhi garis panduan dan SOP. Oleh itu langkah awal mestilah diambil untuk berjaga-jaga.

Dengan kemudahan serta akses untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 akan membantu negara kita menuju ke arah *herd immunity* secepatnya. Apabila terdapat sejumlah populasi mempunyai sistem imuniti yang mampan akan dapat membantu dalam menghadapi penyakit berjangkit atau penyakit yang dahulunya pernah dihidapi dengan bantuan vaksin. Selain daripada itu, ia juga dapat mencegah dan memutuskan rantaian wabak tersebut.

Apa itu *herd immunity*?

Herd immunity atau *community immunity* berperanan atau bertindak sebagai pelindung yang akan membantu dalam menghadapi dan menghalang penularan penyakit dengan bantuan sistem imuniti yang kuat. Apabila tubuh seseorang menerima suntikan vaksin COVID-19 maka ia akan mampu membantu dalam meningkatkan sistem imuniti serta mencegah jangkitan virus tersebut.

Dengan ini, suntikan vaksin COVID-19 mampu menjadi salah satu usaha untuk mengurangkan dan memutuskan rantaian penyebaran penyakit terutama sekali untuk memberikan perlindungan kepada golongan yang mudah terdedah dengan penyakit dan golongan yang tidak dibenarkan mengambil vaksin agar tidak dijangkiti. *Herd immunity* boleh dicapai dengan mendapatkan suntikan COVID-19 bagi membantu mengurangkan peluang untuk dijangkiti.

Hasrat kerajaan bagi penduduk NBD yang menerima vaksin secara sepenuhnya mencapai 80 peratus adalah sebelum menjelang penghujung tahun 2021, walaupun pada awalnya negara mahu mencapainya sebelum Mac 2022.

Apabila majoriti rakyat NBD telah divaksin

sepenuhnya, maka ia akan memberi jaminan dan perlindungan untuk meningkatkan sistem imuniti badan agar terlindung serta dapat melawan jangkitan COVID-19. Ini akan memastikan kadar penularan COVID-19 di negara ini berada di tahap yang rendah serta dapat membantu dalam mengurangkan kadar kematian dan simptom yang teruk.

Kehidupan kita perlu diteruskan dengan mencari cara agar dapat bergerak ke hadapan terutama sekali bagi mereka yang terjejas sewaktu COVID-19. Selain daripada itu, fokus yang paling utama dan penting ialah memberi jaminan agar dapat keluar bekerja di pejabat, belajar secara fizikal di pusat institusi pendidikan serta agar premis perniagaan dan tempat beribadah dapat beroperasi tanpa berasa bimbang dan takut.

Oleh yang demikian, salah satu langkah bagi mempersiapkan diri kita ialah kita perlu menyokong hasrat kerajaan untuk melindungi diri kita dengan menyahut Program Vaksinasi Kebangsaan yang masih lagi berjalan. Disaran dan dinasihatkan kepada orang ramai yang belum menerima vaksinasi untuk menempah slot-slot kosong bagi menghadiri perjanjian vaksin.

Usaha kerajaan

Tempahan bagi slot-slot kosong bolehlah dibuat melalui aplikasi BruHealth dengan memastikan bahawa awda telah mengesahkan akaun BruHealth awda dan memastikan awda mempunyai akaun Bru-HIMS untuk melayakkan diri mengikuti program vaksinasi.

Tambahan pula, Kementerian Kesihatan juga turut menyediakan video berkenaan dengan cara menempah slot vaksinasi yang boleh awda tonton bagi penerangan informasi yang lebih lanjut dan mudah untuk difahami.

Perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak turut dijalankan untuk memastikan penduduk yang tinggal di luar bandar mendapat akses untuk menerima suntikan vaksin COVID-19 dan bagi individu yang ingin mendapatkan suntikan vaksinasi COVID-19 secara *walk-in* bolehlah datang dengan membawa kad pintar atau pasport serta kad atau nombor Bru-HIMS jika ada.

Bagi golongan yang tidak dapat menghadiri diri ke pusat kesihatan disebabkan oleh masalah-masalah yang tidak dapat dielakkan seperti masalah kesihatan atau masalah pengangkutan, mereka boleh mendaftar melalui ketua

kampung bagi mendapatkan suntikan vaksin.

Kementerian Kesihatan turut mengesyorkan bagi golongan yang berumur 12 hingga 17 tahun untuk mendapatkan suntikan COVID-19 yang dapat membantu dalam mengurangkan penularan wabak apabila bersekolah nanti agar pembelajaran dapat dilaksanakan secara fizikal tanpa sebarang gangguan dan membantu untuk mencegah agar tidak merebak ke komuniti yang lebih luas.

Bagi persediaan ke arah pelaksanaan vaksinasi tersebut, ibu bapa dan penjaga mestilah mendaftarkan anak-anak mereka di bawah sistem pengurusan penyakit Bru-HIMS. Borang persetujuan turut diberikan dan diagih-agihkan kepada ibu bapa melalui Kementerian Pendidikan.

Namun, kepada sesiapa yang berasa kurang sihat pada hari perjanjian vaksinasi tersebut supaya tidak risau kerana perjanjian tersebut akan dijadualkan semula. Selain daripada itu, bagi mereka yang mempunyai alahan terhadap komponen vaksinasi tidak akan dibenarkan untuk menerima suntikan.

Dos suntikan bagi golongan yang berumur 7 sehingga 11 tahun pula masih lagi dalam perbincangan dan penelitian bagi memastikan dos yang diterima selamat dan berkesan untuk digunakan.

Berdasarkan data dari Kementerian Kesihatan bahawa imuniti tubuh akan menurun setelah enam bulan menerima dos suntikan vaksin COVID-19 yang kedua, jadi dos suntikan *booster* turut disyorkan bagi meningkatkan sistem imuniti tubuh badan agar menjadi lebih kuat.

Kepentingan *herd immunity*

Mendapatkan suntikan dos vaksinasi COVID-19 merupakan tanggungjawab dan peranan kita sebagai rakyat dan kita berharap agar ia dapat berkesan dalam menguatkan sistem imuniti kita. Dengan mendapatkan suntikan tersebut dapat menjaga kesihatan agar tidak menjejaskan sistem penjagaan kesihatan kita selama berada di rumah dan dapat mengurangkan risiko kesan teruk jika dijangkiti virus tersebut.

Sebaik sahaja seseorang menerima vaksin, ia akan memberikan jaminan keselamatan dan perlindungan terhadap virus bagi mereka yang perlu keluar untuk bekerja demi mengurangkan penularan COVID-19 yang menyumbang kepada perlindungan komuniti.

Suntikan vaksin COVID-19 akan menghasilkan *antibodies* dalam tubuh badan kita untuk melawan penyakit berjangkit dan secara tidak langsung akan melindungi golongan yang mudah terdedah kepada penyakit seperti anak damit yang baru lahir dan individu-individu yang tidak dapat menerima vaksin disebabkan oleh alahan terhadap vaksin.

Apabila kita sudah menerima vaksin, kita telah melindungi diri kita sendiri malah membantu dalam menyelamatkan banyak nyawa dengan berkesan dan selamat.

Oleh yang demikian, berilah kerjasama untuk mendapatkan vaksin dengan segera bagi mencapai *herd immunity* kerana untuk menjayakan *herd immunity* ini memerlukan jumlah populasi yang ramai.

Walaupun setelah menerima vaksin, pastikan awda masih mengamalkan serta mematuhi garis panduan dan menjalankan tanggungjawab awda untuk sentiasa menjaga kesihatan dan kebersihan dengan mengamalkan penjarakan sosial, mengelakkan dari sentuhan fizikal, mengimbas Kod QR, memakai sungkup muka, mencuci tangan dan memakai cecair pembasmi kuman.


Jika berasa kurang sihat, pastikan untuk mendapatkan rawatan dengan segera di Pusat Kesihatan berdekatan dan dapatkan Uji Swab serta menjalani tempoh kuarantin sehingga selesai.

Penutup

Walaupun kita akan menghadapi kesan sampingan setelah menerima vaksin, namun ia hanyalah bersifat sementara jika dibandingkan dengan wabak COVID-19 yang lebih berbahaya. Jadi, ambillah peluang ini untuk menerima suntikan vaksin dengan secepat mungkin agar kita dapat menjalani, memulihkan dan mengembalikan kehidupan kita menuju ke arah yang lebih terkawal.

Oleh yang demikian, kita mestilah melihat dari sisi kebaikan tentang bagaimana kita akan meneruskan kehidupan sambil melihat kesan jangka panjang. Digalakkan kepada individu-individu berkelayakan yang belum menerima vaksin untuk mendapatkan vaksin dengan segera.

Gunakanlah peluang yang ada untuk menempah slot vaksin yang masih kosong dengan segera dan laksanakan tanggungjawab serta peranan sebagai rakyat NBD untuk melindungi diri dan ahli keluarga demi mengurangkan penularan wabak COVID-19.



KSSUP : Ke arah mempelbagaikan ekonomi negara

SIRI KEDUA

Sektor Perikanan

SELAIN dari aktiviti-aktiviti perekonomian yang berkaitan dengan sektor pertanian, aktiviti-aktiviti ekonomi berkaitan dengan sektor perikanan juga turut diberikan perhatian oleh pihak kementerian bagi meningkatkan lagi keluaran sektor perikanan dan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi negara, yang merangkumi aktiviti-aktiviti berkaitan dengan industri penangkapan ikan, industri akuakultur dan industri pemprosesan makanan laut.

Pada tahun 2020 secara keseluruhan, keluaran kasar sektor perikanan meningkat sebanyak 39 peratus iaitu dari BND100.2 juta pada tahun 2019 kepada BND139.1 juta pada tahun 2020. Peningkatan nilai keluaran ini adalah disumbangkan oleh peningkatan yang signifikan dari industri akuakultur dan juga industri pemprosesan makanan laut. Berdasarkan statistik semasa, nilai keluaran sektor perikanan secara keseluruhan sehingga Jun 2021 juga telah menunjukkan peningkatan yang positif iaitu sebanyak 43 peratus berbanding tahun 2020 bagi tempoh yang sama, iaitu dari BND59.7 juta (2020) kepada BND85.4 juta (2021).

Industri penangkapan ikan

Pada tahun 2020, nilai keluaran kasar bagi industri penangkapan ikan mencatatkan sejumlah BND73.59 juta, yang mana meliputi hasil daripada nelayan komersil dan nelayan kecil-kecilan. Walau bagaimanapun nilai keluaran kasar industri

penangkapan ikan bagi tahun 2020 menurun sebanyak 0.7 peratus iaitu dari BND74.07 juta pada tahun 2019 kepada BND73.59 juta pada tahun 2020 disebabkan oleh beberapa kapal-kapal penangkapan ikan komersil utama tidak dapat beroperasi semasa jangkitan pandemik COVID-19 melanda negara ini.

Dalam mendukung usaha ke arah meningkatkan keluaran dari aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan industri penangkapan ikan, inisiatif-inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan antaranya adalah seperti melaksanakan kerja-kerja pembinaan dan melabuh takat-takat tiruan dan lawa-lawa di kawasan zon-zon penangkapan ikan bagi meningkatkan sumber perikanan laut dan hasil perikanan dari zon-zon komersial terutama di Zon 3 dan Zon 4; memberhentikan operasi penangkapan ikan menggunakan kapal pukat tunda bagi memastikan tiada kerosakan berterusan ke atas kawasan terumbu karang dan melaksanakan pengawasan dan penguatkuasaan secara berterusan ke atas kawasan perlindungan marin sebagai salah satu usaha ke arah meningkatkan produktiviti sumber perikanan dan pada masa yang sama memulihara kepelbagaian bio hidupan marin di perairan negara; dan termasuklah juga menyediakan kemudahan asas bagi kegunaan nelayan kecil-kecilan melalui pembinaan tempat penurunan perahu di tempat-tempat yang strategik di seluruh daerah di negara ini.

Perairan Brunei dibahagikan kepada empat zon iaitu Zon 1 bagi aktiviti penangkapan ikan berskala kecil manakala Zon 2, 3 dan 4 adalah bagi aktiviti penangkapan ikan secara komersial. Jabatan Perikanan telah menawarkan skim

bantuan bagi meningkatkan bilangan nelayan kecil-kecilan. Ini termasuk menyediakan keperluan-keperluan asas di samping memenuhi keperluan Keselamatan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD).

Antara inisiatif dan langkah-langkah pembaikan yang telah dilaksanakan bagi memastikan keluaran dari industri penangkapan ikan agar meningkat secara berterusan, antaranya ialah dengan menggalakkan pelabur-pelabur tempatan dan asing untuk menerokai aktiviti industri penangkapan ikan komersial menggunakan teknologi tinggi; memastikan syarikat-syarikat melaksanakan *good practices* bagi meningkatkan kualiti dan nilai hasil industri penangkapan ikan; melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan stok sumber perikanan laut secara berterusan, iaitu seperti dengan memperbanyakkan pembinaan dan melabuh takat-takat tiruan serta lawa-lawa; dan menangani penangkapan ikan yang Tidak Sah, Tidak Dilaporkan dan Tidak Dikawal (Illegal, Unreported dan Unregulated Fishing).

Berdasarkan statistik semasa, nilai keluaran industri penangkapan ikan sehingga Jun 2021 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 39.6 peratus berbanding bagi tempoh yang sama tahun 2020, iaitu dari BND35.7 juta (2020) kepada BND49.9 juta (2021).

Industri akuakultur

Pada tahun 2020, nilai keluaran kasar bagi industri akuakultur mencatatkan jumlah BND32.4 juta, yang meliputi keluaran dari industri ternakan udang laut, ikan laut, ikan air tawar, ketam, keluaran benih udang dan

Rencana dan Foto : Ihsan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

benih ikan. Keluaran industri ternakan udang ialah penyumbang utama kepada industri akuakultur iaitu sebanyak 81 peratus. Nilai keluaran kasar industri akuakultur bagi tahun 2020 meningkat secara signifikan sebanyak 204 peratus iaitu dari BND10.6 juta pada tahun 2019 kepada BND32.4 juta pada tahun 2020. Berdasarkan statistik semasa, nilai keluaran industri akuakultur sehingga Jun 2021 juga telah menunjukkan peningkatan yang signifikan sebanyak 78 peratus berbanding bagi tempoh yang sama tahun 2020, iaitu dari BND10.9 juta (2020) kepada BND19.4 juta (2021).

Salah sebuah syarikat yang menyumbang kepada pencapaian positif yang signifikan ini adalah Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd. yang mana keluaran hasil ternakan udang syarikat berkenaan (dari ladang kolam udang Sungai Penyatang) pada tahun 2020 meningkat sebanyak 1,083 peratus berbanding keluaran pada tahun 2019, iaitu dari BND1.7 juta (192 mt) pada tahun 2019 kepada BND20 juta (2,462 mt) pada tahun 2020. Secara keseluruhan, nilai keluaran ternakan udang dari Syarikat Golden Corporation ini juga iaitu sekitar BND22.4 juta (2,664 mt), menyumbang sebanyak 86 peratus dari jumlah keseluruhan keluaran industri ternakan udang pada tahun 2020 yang bernilai BND26.1 juta (3,046 mt); dan sebanyak 69 peratus dari jumlah keseluruhan nilai keluaran industri akuakultur pada tahun 2020.



SIDANG KEMUNCAK G20 BERAKHIR DENGAN KOMITMEN PEMIMPIN ATASI CABARAN GLOBAL



ROM, 1 Nov. - Sidang Kemuncak G20 yang melabuhkan tirainya pada Ahad meluluskan deklarasi mengesahkan peranan penting multilateralisme dan kerjasama antarabangsa dalam mengatasi cabaran global yang dicetuskan pandemik COVID-19.

"Deklarasi Pemimpin G20 Rom" berikrar untuk mengukuhkan tindak balas bersama terhadap pandemik itu dan merintis laluan bagi pemulihan global, dengan kebimbangan khusus terhadap golongan paling rentan, lapor Xinhua.

Pemimpin ekonomi utama dunia itu turut berikrar untuk menggunakan segala kemampuan

dan alat yang ada untuk menangani kesan pandemik, mengekalkan pemulihan dan terus berwaspada terhadap cabaran global seperti gangguan rantai bekalan.

Deklarasi itu turut menggariskan peranan penting vaksin dalam memerangi pandemik, dan pemimpin sepakat untuk memperluas usaha bagi memastikan akses kepada vaksin, terapeutik dan diagnostik yang tepat pada masanya, saksama dan universal selain selamat, berpatutan, berkualiti serta berkesan, dengan mengambil kira keperluan negara berpendapatan sederhana dan rendah.

"Kami akan mengambil langkah

untuk membantu meningkatkan bekalan vaksin dan produk perubatan penting serta input di negara membangun dan menghapuskan kekangan bekalan serta pembiayaan yang berkaitan," menurut deklarasi itu.

Mengenai perubahan iklim, para pemimpin kekal komited kepada matlamat Perjanjian Paris untuk mengekalkan peningkatan suhu purata global jauh di bawah dua darjah Celsius dan meneruskan usaha untuk mengahadkannya kepada 1.5 darjah Celsius melebihi paras pra-industri.

"Sidang kemuncak ini berjaya. Bentuk kerjasama terbaik ialah kerjasama multilateralisme," kata

Perdana Menteri Itali Mario Draghi pada sidang akhbar sempena penutup sidang kemuncak itu.

Negara anggota G20 menyumbang hampir dua pertiga daripada populasi dunia, lebih 80 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global dan 75 peratus daripada perdagangan global.

Sidang kemuncak dua hari itu diadakan secara dalam dan luar talian, dipengerusikan Itali. Indonesia akan menggisi kerusi penggiliran Presiden G20 mulai Disember 2021. - ©BERNAMA

Motegi harap menteri luar baharu Jepun akan teruskan dialog dengan Rusia

TOKYO, 2 Nov. - Menteri Luar Jepun Toshimitsu Motegi, yang bakal memegang jawatan Setiausaha Agung Parti Demokratik Liberal yang berkuasa, berharap pengantinya akan terus mengadakan dialog dengan Rusia, lapor Sputnik.

Menurut media Jepun, Motegi secara rasmi akan menyandang jawatan baharunya pada Khamis, menggantikan Akira Amari susulan pilihan raya umum baru-baru ini. Sementara itu, bekas Menteri Pertahanan Yoshimasa Hayashi dilaporkan

akan dilantik sebagai menteri luar yang baharu.

"Saya berharap pengganti saya yang akan mengetuai kementerian luar akan terus mempromosikan rundingan antara Jepun dan Rusia, mengikut laluan yang telah ditetapkan," kata Motegi.

Hubungan antara Moscow dan Tokyo telah lama rumit disebabkan fakta bahawa kedua-dua negara tidak pernah menandatangani perjanjian damai WWII (Perang Dunia Kedua) yang kekal. Isu utama yang menghalang kedua-dua negara adalah pertikaian

mereka mengenai empat pulau di Kuril - Iturup, Kunashir, Shikotan dan Habomai. Rusia mempunyai kedaulatan ke atas pulau-pulau itu dan menganggapnya sebagai sebahagian daripada wilayah Sakhalin, tetapi ia juga dituntut oleh Jepun.

Sejak memegang jawatan sebagai Menteri Luar, Motegi telah berusaha untuk memperkukuh hubungan dengan Rusia, khususnya mengenai pertikaian wilayah dan menandatangani perjanjian damai. - ©BERNAMA

India sasar pelepasan karbon "sifar bersih" menjelang 2070

NEW DELHI, 2 Nov. - India menetapkan sasaran pelepasan karbon "sifar bersih" menjelang 2070 sebagai sebahagian daripada usaha dunia untuk memerangi pemanasan global.

Ia adalah antara lima ikrar yang dibuat oleh Perdana Menteri India Narendra Modi semasa berucap pada Sidang Kemuncak Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Glasgow, Britain, pada Isnin.

Matlamat lain pemancar gas

rumah hijau nombor tiga dunia selepas China dan Amerika Syarikat itu termasuk meningkatkan kapasiti tenaga bukan fosilnya kepada 500 gigawatt dan memenuhi 50 peratus keperluan tenaganya daripada sumber boleh dibaharui menjelang 2030.

Modi berkata India akan mengurangkan sebanyak satu bilion tan metrik jumlah pelepasan karbon yang diunjurkan antara sekarang dan 2030 dan

mengurangkan intensiti karbon ekonomi kepada kurang daripada 45 peratus dalam tempoh yang sama.

Pemimpin India itu menegaskan bahawa janji kewangan antarabangsa untuk memerangi perubahan iklim tidak ditepati dan meminta negara maju menawarkan lebih banyak pembiayaan iklim.

"India menjangka negara maju akan menyediakan pembiayaan iklim sebanyak \$1 trilion. Hari ini ia lebih perlu untuk kita melihat kemajuan yang dibuat dalam mitigasi iklim, kita juga harus meneliti pembiayaan iklim," kata Modi. - ©BERNAMA

Jepun kurangkan kuarantin kepada pengembara perniagaan

TOKYO, 2 Nov. - Kerajaan Jepun merancang mengurangkan tempoh kuarantin kepada tiga hari berbanding 10 hari sebelum ini untuk pengembara yang sudah disuntik vaksin COVID-19, terutamanya pengembara perniagaan, lapor media tempatan Selasa.

Di bawah peraturan baharu itu, ahli perniagaan yang tiba di Jepun diminta menjalani kuarantin sendiri selama tiga hari.

Mulai hari keempat, jika ujian saringan COVID-19 negatif mereka akan dibenarkan

menggunakan pengangkutan awam dan makan di luar manakala syarikat yang menjalankan perniagaan dengan mereka perlu menyimpan rekod keberadaan mereka.

Peraturan baharu itu akan berkuat kuasa seawal 8 Nov, lapor Xinhua.

Kerajaan sebelum ini mewajibkan ketibaan antarabangsa untuk kuarantin sendiri selama 14 hari untuk membantu mencegah penularan COVID-19. Pada Oktober, tempoh kuarantin dikurangkan kepada 10

hari bagi mereka yang telah selesai inokulasi.

Sementara itu, pegawai bercadang untuk membenarkan kemasukan baharu penuntut asing ke negara ini, yang pada dasarnya telah dihentikan sebelum ini, untuk memulakan atau meneruskan pengajian di Jepun, dengan sekolah perlu mengawasi mereka.

Kerajaan turut merancang meningkatkan jumlah maksimum ketibaan luar negara daripada 3,500 sehari kepada 5,000, yang akan berkuat kuasa akhir bulan ini. - ©BERNAMA

PM Macedonia Utara Zoran Zaev umum letak jawatan berikutan kekalahan partinya

SKOPJE, 1 Nov. - Perdana Menteri Macedonia Utara Zoran Zaev mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi Parti Kesatuan Demokratik Sosial Macedonia (SDSM) selepas kekalahan parti itu pada pusingan kedua pilihan raya tempatan, lapor Xinhua.

Zaev dalam satu sidang media

pada Ahad berkata beliau bertanggungjawab atas kekalahan teruk parti pimpinannya dalam pilihan raya tempatan itu.

Pilihan raya tempatan itu melibatkan 44 majlis perbandaran di seluruh negara.

Keputusan awal pilihan raya pusingan kedua itu menunjukkan calon parti pembangkang utama VMRO-DPMNE mendahului

parti-parti lain yang bertanding.

Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya Negeri (SEC), peratusan keluar mengundi kali ini sebanyak 48.61 peratus atau 640,076 pengundi daripada lebih 1.33 juta pengundi berdaftar.

SEC dijangka mengumumkan keputusan rasmi dalam tempoh 12 jam, menurut media tempatan. - ©BERNAMA

Palestin kecam Israel musnahkan alam sekitar

RAMALLAH, 2 Nov. - Israel secara sistematik memusnahkan alam sekitar di Palestin, kata Perdana Menteri Palestin Mohammad Shtayyeh pada Isnin semasa edisi ke-26 Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau COP26, di Glasgow, Scotland.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, Shtayyeh menentang masalah alam sekitar di Palestin yang dicetuskan Israel.

Penempatan Yahudi, kuari dan tapak pelupusan sampah yang mengumpul sisa kimia, elektronik atau pepejal adalah antara faktor terpenting yang menyebabkan pencemaran alam sekitar di Palestin, lapor Agensi Anadolu memetik Shtayyeh, memberi amaran bahawa kesan negatifnya akan berganda dengan perubahan iklim.

"Mereka yang melihat peta moden Palestin akan mengetahui bagaimana alam sekitar telah dimusnahkan secara sistematik," katanya sambil menyebut Israel telah menebang kira-kira 2.5 juta pokok di Palestin sejak 1967, dengan 800,000 daripadanya adalah pokok zaitun.

Shtayyeh berkata anggaran simpanan air tahunan Palestin adalah kira-kira 800 juta meter padu dan Israel telah "mencuri" 600 juta meter padu daripadanya, sambil menambah ia sebahagian daripada "dasar penjajahan sistematik Israel yang mahu mengubah tanah kita menjadi padang pasir dan merampasnya."

Laut Mati akan mengering pada 2044 kerana sumbernya semakin berkurangan dan mineral serta garamnya dilombong untuk kegunaan industri Israel, katanya.

Shtayyeh berkata Palestin yang sedang bergelut dengan perubahan iklim, telah menandatangani Perjanjian Iklim Paris pada 2016 dan menjadi antara negara yang telah menyediakan pelan penyesuaian iklim. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 12 cedera, dua kereta api berlanggar di UK

GLASGOW, (Scotland) 1 Nov. - Sekurang-kurangnya 12 orang cedera selepas dua kereta api berlanggar di Salisbury, England pada Ahad.

"Beberapa orang cedera namun syukur tiada mangsa yang meninggal dunia," tulis Polis Pengangkutan British di Twitter lapor Agensi Anadolu.

Kejadian berlaku selepas sebuah kereta api yang dalam perjalanan dari Pelabuhan Portsmouth ke Bristol Temple Meads tergelincir sebelum dirempuh sebuah lagi kereta api yang menuju ke Honiton dari stesen London Waterloo, menurut kenyataan Network Rail.

Sementara itu Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Dorset dan Wiltshire menyatakan seramai 50 anggota bomba bergegas ke lokasi kejadian. - ©BERNAMA

9 anggota bomba maut dalam kejadian runtuhannya gua di Brazil

SAO PAULO, 1 Nov. - Sembilan anggota bomba maut manakala seorang lagi diselamatkan dalam kejadian runtuhannya gua di Sao Paulo, Brazil pada Ahad, menurut pihak berkuasa.

Kejadian itu berlaku pada Ahad ketika 26 anggota bomba sedang melakukan sesi latihan di gua yang terletak di perbandaran Altinopolis, lapor Agensi Berita Xinhua.

Selepas operasi menyelamatkan hampir 12 jam, sembilan mayat ditemukan dan seorang mangsa lagi dihantar ke hospital akibat hipotermia dan masalah pernafasan, menurut Jabatan Bomba.

Mangsa yang maut itu termasuk dua anggota bomba wanita. - ©BERNAMA

Gempa bumi sederhana gegar wilayah Ibaraki Jepun

TOKYO, 1 Nov. - Gempa bumi berukuran 5.2 pada skala Richter melanda wilayah Ibaraki, Jepun pada Isnin, menurut Agensi Meteorologi Jepun.

Agensi Berita Xinhua melaporkan gempa berlaku kira-kira 6.14 pagi waktu tempatan, dengan pusat gempunya pada garisan lintang 36.5 darjah utara dan garisan bujur 140.6 darjah timur, dan pada kedalaman 60 kilometer.

Gegaran turut direkodkan bermagnitud empat di beberapa bahagian di wilayah Ibaraki dan Fukushima.

Setakat ini tiada amaran tsunami dikeluarkan. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei

HULURKAN SUMBANGAN BISKITA MELALUI SUMBANGAN PANDU LALU



SUKARELAWAN Belia Brunei dengan kerjasama Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam dan disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengunkayahkan Sumbangan Pandu Laluan, yang mengambil tempat di VIP Main Entrance, Holding Area, Stadium Negara Hassanal Bolkiah (atas dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ihsan Unit Media, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Dalam sama-sama berganding bahu menyokong pihak kerajaan dalam *mengelina* masyarakat yang terjejas dan terkesan akibat gelombang kedua COVID-19, Sukarelawan Belia Brunei dengan kerjasama Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam dan disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengunkayahkan Sumbangan Pandu Laluan, bermula 9 September lalu.

Sumbangan Pandu Laluan tersebut mengambil tempat di VIP Main Entrance, Holding Area,

Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Sumbangan Pandu Laluan tersebut beroperasi setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.30 pagi hingga 2.00 petang, manakala pada Jumaat, bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, dan 2.00 petang hingga 3.00 petang serta Ahad, bermula jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang.

Ketua Unit Sumbangan Pandu Laluan, Pengiran Mohammad Al Nizar bin Pengiran Azahari ketika ditemu bual menjelaskan, sejak Sumbangan Pandu Laluan V.3

Sukarelawan Brunei ini diaktifkan semula pada 9 September lalu, sambutan daripada orang ramai adalah sangat menggalakkan.

Menurutnya, selain daripada orang persendirian, sumbangan juga diterima daripada agensi kerajaan, kedutaan di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan agensi swasta.

"Alhamdulillah setakat ini, seramai 15,232 individu di keempat-empat daerah telah menerima bantuan pek makanan asasi," ujarnya.

Tambahnya, seramai dua pasukan Sukarelawan Belia yang melibatkan lebih kurang 30 orang petugas dan mereka diterapkan dengan SOP semasa menjalankan tugas.

Beliau seterusnya menjelaskan,

sumbangan yang diperlukan adalah barangan asasi, seperti beras, minyak masak, makanan tin, mi segera, tepung, gula, telur, ubi kentang, kopi, teh, Milo, biskut dan air mineral.

Di samping itu tambahnya, barang-barang lain juga diperlukan seperti lampin pakai buang dan susu tepung formula bagi anak damit berumur bawah lima tahun.

Beliau turut menambah, untuk makluman orang ramai yang ingin berhasrat menghulurkan sumbangan, para penyumbang yang ingin menghantar sumbangan dikehendaki mematuhi SOP, termasuk sentiasa memakai sungkup muka, mempunyai kod BruHealth berwarna hijau dan kuning sahaja

serta mengimbas Kod QR.

"Sumbangan pek makanan asasi ini dihulurkan kepada mereka yang terjejas pendapatan dan terkesan daripada wabak COVID-19, termasuk pekerja asing yang berada di NBD," jelasnya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh menghubungi menerusi talian +673 8332212.

Dengan adanya inisiatif Sumbangan Pandu Laluan ini akan lebih ramai lagi orang menghulurkan sumbangan agar dapat sama-sama membantu mereka yang memerlukan, terutama sekali pada ketika ini dan saat seluruh dunia menangani penularan wabak COVID-19.

Pengasingan diri Kategori 1, 2a di kediaman

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Infografik : Ihsan Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 November. - Pengenalan Dasar Pengasingan Di Rumah bagi pesakit-pesakit COVID-19 Kategori 1 dan Kategori 2a telah bermula pada 8 Oktober 2021.

Perkara tersebut telah diumumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada sesi Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan baru-baru ini.

Pesakit-pesakit yang dikategorikan dalam dasar ini akan diarahkan untuk membuat pengasingan di rumah sahaja, dengan syarat telah mendapatkan penilaian dan pengesahan dari Kementerian Kesihatan serta keadaan rumah didiami adalah bersesuaian untuk pengasingan.

Pengasingan ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu Kategori 1 ialah tidak mengalami simptom; dan Kategori 2a pula mengalami simptom-simptom ringan seperti sakit tekak, batuk, hilang deria rasa atau bau, muntah, cirit birit, sakit badan tetapi tidak

ada *pneumonia*.

Pesakit-pesakit tersebut dikehendaki untuk sentiasa berada dan *teranah* di rumah di sepanjang tempoh pengasingan diri selama 14 hari.

Selain itu, mereka juga akan dipantau oleh Pasukan Pemantauan Pesakit, Kementerian Kesihatan di sepanjang pengasingan dan dipasangkan gelang tangan berwarna merah bagi tujuan identifikasi pesakit COVID-19 sehingga tamat tempoh pengasingan.

Akhir sekali, mereka ini dikehendaki untuk mematuhi semua arahan pihak Kementerian Kesihatan dan pastikan mudah dihubungi pada bila-bila masa sahaja.

Mana-mana pesakit yang gagal atau ingkar dalam mematuhi Dasar Pengasingan Di Rumah ini boleh dikenakan denda kompaun sehingga BND5,000, sebagaimana peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggagal 204).

Orang ramai bolehlah menghubungi Talian Hotline N3C19 untuk sebarang laporan pelanggaran Dasar Pengasingan Di Rumah di +673 8176148, +673 8175148, +673 8166148 dan +673 8155148.



Initipati Dasar:

Arahan terhadap pesakit positif COVID-19 dalam

Kategori 1
Tidak mempunyai
sebarang simptom

Kategori 2a
Hanya mempunyai
simptom ringan

untuk membuat **pengasingan diri di rumah sahaja** selepas mendapatkan penilaian dari Kementerian Kesihatan, serta keadaan rumah didiami adalah bersesuaian untuk pengasingan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TUNTUTAN BERSANGKA BAIK TERHADAP ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA